05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAHAP KEMISKINAN PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENDIDIKAN

YOBURAJ A/L THOMAS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: TAHAP KEMISKINAN PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENDIDIKAN

No. Matrik /*Matric's No.*: M20131000867

Saya / *I* : YOBURAJ A/L THOMAS

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan ~~Tesis~~/Disertasi/~~Laporan Kertas Projek~~ (~~Doktor Falsafah~~/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. ~~Tesis~~/Disertasi/~~Laporan Kertas Projek~~ ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan ~~Tesis~~/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
   The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
√	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 17.12.2018

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kemiskinan penduduk kawasan setinggan serta hubungannya dengan tingkat pendapatan. Objektif spesifik yang disasarkan adalah seperti berikut, Mengukur tingkat pendapatan penduduk setinggan, Mengenal pasti tahap kebajikan penduduk setinggan, Menentukan tentang tingkat pendidikan penduduk setinggan dan Menganalisis hubungan di antara faktor pendidikan dan ekonomi penduduk setinggan. Penyelidikan ini bersifat satu kajian tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data diperoleh dari dua kawasan setinggan terpilih iaitu Kampung Setia Jaya dan Kampung Chu Badak yang kedua-duanya terletak di kawasan Parlimen Wangsa Maju. Seramai 150 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini dan kutipan data dilakukan melalui kaedah Pensampelan Rawak Strata. Analisis data menggunakan kaedah deskriptif statistik, ujian Korelasi Pearson dan juga ujian regresi. Dapatan bagi analisis ekonomi menunjukkan 85% responden berada dalam kategori B40 (Pendapatan ≤ RM 3860) manakala peratus yang selebihnya berada dalam kategori M40 (RM 3860 < Pendapatan ≤ RM 8319). Dapatan dari analisis kebajikan pula mendapati majoriti responden menikmati kemudahan infrastruktur tahap tinggi (74.7%), menerima bantuan kewangan dari pihak kerajaan (84%), dan merupakan pemilik harta tahap sederhana (78%). Dapatan yang diperoleh bagi analisis pendidikan pula mendapati majoriti 69% berpendidikan tahap sederhana, diikuti seramai 8.4% dan 22.6% berpendidikan tahap tinggi dan rendah. Keputusan bagi analisis terakhir menunjukkan wujud hubungan signifikan (pada α=1%) di antara faktor pendidikan dan pendapatan dalam ujian korelasi Pearson (r=0.757, P=0.000) dan regresi (p=0.000). Kesimpulan kajian ini ialah, penduduk-penduduk setinggan secara amnya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah, yang menikmati tahap kebajikan dan pendidikan sederhana tinggi. Faktor kemiskinan didapati mempunyai hubungan positif dengan faktor pendidikan. Sebagai implikasi kajian, pihak berkuasa wajar memberi tumpuan yang tinggi terhadap aspek pendidikan anak-anak penduduk setinggan, serta membangunkan kesedaran ibu bapa mereka terhadap kepentingan pendidikan, dalam usaha mengecil dan melupuskan kawasan setinggan.

Kata kunci: Setinggan, kebajikan, ekonomi dan pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

STATUS OF POVERTY AMONG SQUATTERS AND THE RELATIONSHIP BETWEEN POVERTY AND EDUCATION

The study aims to identify the poverty level of the squatters and its relationship with the level of education. The specific objective of this study are Measuring the income level of squatter residents, Identifying the welfare level of the squatters, Determining the level of education of squatters and Analyzing the relationship between income and education factors. This study is a survey type of research which uses questionnaires as the research instrument. The data were obtained from two selected squatter areas namely Kampung Setia Jaya and Kampung Chu Badak; which both are located in the Wangsa Maju Parliamentary constituency. A total of 150 respondents participated in this study and data collection was done via the Random Sampling Strata method. Data analysis uses statistical descriptive method, Pearson correlation test and also regression test. The findings of the economic analysis showed that 85% of the respondents were in the category of B40 (Income ≤ RM 3860) while the remaining percentage was in the M40 category (RM 3860 < Income ≤ RM 8319). The findings from the welfare analysis found majority of respondents enjoyed high levels of infrastructure facilities (74.7%), receiving government financial assistance (84%), and having moderate level of property ownership (78%). The results obtained for the educational analysis found that majority of 69% were receiving moderate education level, followed by 8.4% and 22.6% obtaining higher and lower education level. The results for the last analysis showed the existence of significant relationship (at α=1%) between the education and the income factors in the Pearson correlation (r=0.757, P=0.000) and the regression (p=0.000) tests. The conclusions that can be made from this study are; squatters are comprised of low income people who enjoy moderate levels of welfare and education levels. Poverty factor is found out to have significant positive relationship with education factor. As the implication of this study; in the effort to narrow and dispose squatter areas authorities should put serious focus on the education aspect of squatter children and develop their parents' awareness on the importance of education.

Keywords: Squatter, economy, welfare, and education

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang Kajian	3
1.2	Pernyataan Masalah	15
1.3	Objektif Kajian	16
1.4	Persoalan Kajian	16
1.5	Hipotesis Kajian	16
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	17
1.7	Kepentingan Kajian	20
1.8	Batasan Kajian	21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Definisi Operasional 21

1.10 Susun atur Bab 25

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan 26

2.1 Kerangka Teori 26

2.2 Sorotan Literatur 30

2.3 Rumusan 52

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan 53

3.1 Carta Alir Pelaksanaan Kajian 54

3.2 Reka bentuk Kajian 56

3.3 Populasi dan Sampel 57

3.4 Instrumen Kajian 58

3.5 Prosedur Pengumpulan Data 60

3.6 Kaedah Menganalisis Data 61

3.7 Rumusan 65

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan 66

4.1 Profil Responden 66

4.2 Dapatan Analisis Kajian 70

4.3 Rumusan 98

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	100
5.1	Perbincangan	100
5.2	Kesimpulan	104
5.3	Cadangan Penyelesaian	105

RUJUKAN 109

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Maklumat Setinggan (Tanah Kerajaan)	13
1.2	Maklumat Setinggan (Tanah Swasta)	14
3.1	Taburan Populasi dan Sampel	58
3.2	Taburan Tingkat Pendapatan	62
3.3	Taburan Tahap Pendidikan	63
3.4	Ringkasan Analisis Kajian	64
4.1	Taburan Profil Responden	67
4.2	Taburan Pekerjaan	71
4.3	Taburan Tingkat Pendapatan	73
4.4(a)	Senarai Item Perbelanjaan	74
4.4(b)	Taburan Corak Perbelanjaan Asas dan Mewah	76
4.4(c)	Taburan Corak Perbelanjaan Asas dan Mewah Berdasarkan Tahap Ekonomi	79
4.5	Taburan Kemudahan Infrastruktur	81
4.6	Taburan Kemudahan Infrastruktur (Keseluruhan)	82
4.7(a)	Taburan Bantuan Kewangan	83
4.7(b)	Taburan Sumber Bantuan Kewangan	84
4.8	Taburan Pemilikan Harta	86
4.9	Taburan Pemilikan Harta (Keseluruhan)	87
4.10	Taburan Tahap Pendidikan	88

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.11	Taburan Tahap Pendidikan (Kategori)	90
4.12	Taburan Cross tabulation Tahap Pendidikan dan Tingkat Pendapatan	91
4.13	Taburan Ujian *Chi Square*	92
4.14	Taburan Ujian *Phi Coefficient* dan *Cramer's V*	93
4.15	Korelasi	94
4.16	Ringkasan Model	95
4.17	Koefisien / Pekali	96

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Unjuran Perbandaran mengikut Wilayah / Kawasan Utama	8
1.2	Unjuran Penghijrahan Desa dan Bandar di Malaysia	9
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	17
3.1	Carta Alir Pelaksanaan Kajian	54

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Borang Soal Selidik

B Surat Kebenaran DBKL untuk menjalankan Penyelidikan

C1 Surat Kebenaran DBKL untuk mendapatkan Maklumat Kajian

C2 Surat Kebenaran DBKL untuk mendapatkan Maklumat Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun upsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pendahuluan

Kemiskinan bukan satu isu baharu di mana-mana negara sekalipun. Ia adalah sangat umum sehinggakan ia menjadi salah satu isu utama yang diberi tumpuan dalam mana-mana dasar ekonomi negara. Jha & Tripathi (2014) menyatakan secara umumnya, kumpulan miskin difahami sebagai golongan yang tidak berupaya memenuhi keperluan hidup berdasarkan kualiti hidup. Sebagai contoh, mereka tidak mampu membiayai penjagaan kesihatan dan pendidikan (Bank Dunia, 2009).

Di Malaysia, ukuran kemiskinan ditentukan melalui kedudukan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) seseorang individu atau ahli masyarakat. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata di bandar yang digariskan pada tahun 2014 menyatakan; kumpulan miskin adalah isi rumah yang termasuk dalam kategori B40, iaitu mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang memperoleh tingkat pendapatan kasar purata bulanan kurang daripada RM940 di Semenanjung Malaysia, kurang daripada RM1,160 di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan kurang daripada RM1,040 di Sarawak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014). Kumpulan masyarakat miskin ini kemudiannya terbahagi kepada beberapa kumpulan iaitu: kumpulan Miskin Relatif dan Miskin Tegar. Kumpulan Miskin Tegar merujuk kepada golongan isi rumah dengan hasil pendapatan yang tidak berupaya menampung keperluan asas kehidupan seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal (Mansur, Bagul, Yusof et. *al*; 2013). Ukuran pendapatan kasar purata bulanan isi rumah Miskin Tegar di bandar adalah kurang daripada RM580 di Semenanjung Malaysia, serta kurang daripada RM690 di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan serta kurang daripada RM700 di Sarawak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut laporan tersebut itu juga; taburan peratus isi rumah mengikut kelas pendapatan dalam bancian pada tahun 2014 mendapati, sebanyak 57.9 peratus isi rumah di Malaysia berada dalam kelas pendapatan RM4,000 dan ke atas manakala bakinya sebanyak 42.1 peratus isi rumah berada dalam kelas pendapatan RM3,999 dan ke bawah. Laporan yang sama juga mewartakan; secara khususnya di kawasan bandar, 65.1 peratus isi rumah berada dalam kelas pendapatan RM4,000 dan ke atas, manakala 34.9 peratus isi rumah berada dalam kelas pendapatan RM3,999 dan ke bawah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014).

Sebagai persediaan dalam usaha menaik taraf status sedia ada negara ke tahap negara maju menjelang 2020, isu kemiskinan sering diketengahkan dalam semua rancangan pembangunan dan dasar kerajaan oleh pemimpin-pemimpin negara. Dalam Rancangan Malaysia ke-11 (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2015); yang merupakan fasa terakhir pelan hala tuju pembangunan dan merealisasikan matlamat Transformasi Nasional 50, usaha untuk mengubah nasib isi rumah B40 dengan pendapatan bulanan purata sebanyak RM2,537 telah diberi tumpuan khusus. Menurut RMK11, isi rumah B40 adalah seramai 2.7 juta. Daripada jumlah isi rumah B40 tersebut, 63.1 peratus isi rumah adalah dari bandar dan 36.9 peratus adalah dari luar bandar. Isu kemiskinan merupakan salah satu penunjuk dalam pembangunan sesebuah negara dan sekiranya masalah ini tidak ditangani, ia akan memberi impak negatif dalam usaha kerajaan untuk menaik taraf negara dari negara sedang membangun ke negara maju.

1.1 Latar belakang Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah kemiskinan sering dikaitkan dengan setinggan. Masalah penempatan setinggan atau perkampungan setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah lama wujud dan ia bukanlah satu fenomena baharu. Jangka masa yang lama itu telah menyebabkan pertumbuhan setinggan menjadi besar dari segi saiz; bilangan serta luas kawasan penerokaannya dan keadaan ini juga disumbangkan oleh faktor penghijrahan dan perbandaran. Menurut Laporan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat sejumlah 413,728 penduduk setinggan di seluruh negara pada bulan Disember 1997. Jumlah ini telah bertambah menjadi 540,495 penduduk setinggan atau 121,090 ketua keluarga di seluruh negara pada tahun 1999. Sebanyak 197 buah kampung setinggan yang melibatkan 23,970 rumah setinggan terdapat di Kuala Lumpur (KPKT, 1999). Keadaan ini membolehkan mereka mempunyai pengaruh yang kuat ke atas bentuk dan proses pembangunan dan perbandaran Kuala Lumpur. Ia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga membentuk sebahagian dari ciri bandar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkembang dan tumbuh dengan pesatnya sekitar tahun 70-an. Terdapat banyak sebab yang membawa kepada perkembangan ini dan faktor yang lazim dikaitkan adalah faktor berhijrah dan perkembangan atau pembangunan bandar Kuala Lumpur itu sendiri. Kedua-dua faktor ini menjadi daya tarikan penduduk luar bandar (desa) membanjiri Kuala Lumpur untuk tujuan mencari pekerjaan atau merebut peluang dari proses pembangunan bandar Kuala Lumpur. Sebahagian besar dari setinggan di bandar Kuala Lumpur ini tidak mempunyai penyelesaian lain dalam masalah perumahan mereka. Menduduki tanah secara haram merupakan satu-satunya pilihan yang ada. Sebagai satu masyarakat setinggan, setinggan adalah agak bersatu dan perpaduan mereka itu dapat menentukan kedudukan dan masa depan mereka. Guna tenaga mereka di dalam ekonomi bandar Kuala Lumpur sangat diperlukan. Walaupun begitu, oleh kerana kebanyakan perkampungan/penempatan setinggan lazimnya tidak teratur, sesak dan tidak diselenggarakan, ianya dianggap tidak sesuai dan menjolok mata dalam suasana dan ciri bandar moden, terutamanya bagi bandar bertaraf ibu kota.

Percambahan penempatan setinggan dan cabaran yang berkaitan dengannya adalah salah satu masalah persekitaran hidup yang paling kronik dihadapi oleh negara ini pada masa ini. Kajian ini dilihat sebagai tindak balas kepada golongan berpendapatan rendah dan golongan penganggur tidak berupaya untuk membina tempat tinggal di tanah berpatutan dan menikmati perkhidmatan perumahan yang lain. Setinggan menimbulkan sifat-sifat yang tidak dirancang seperti:-

i. Pencemaran alam sekitar

ii. Isu kesihatan awam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Mendedahkan kepada peningkatan bencana alam dan bencana yang disebabkan oleh manusia

iv. Tempat untuk aktiviti jenayah

1.1.1 Dasar Kerajaan Terhadap Setinggan

Sebelum tahun 1979, dasar kerajaan terhadap isu setinggan tidaklah begitu jelas tetapi pada tahun 1979 kerajaan Malaysia; melalui keputusan Kabinet, telah merumuskan 5 dasar yang jelas iaitu:-

i. Mencegah dan mengawal pertumbuhan setinggan baharu di atas tanah kerajaan.

ii. Mengatur program pemindahan dan penempatan semula setinggan secara berperingkat-peringkat.

iii. Membangun kawasan setinggan dengan projek perumahan awam.

iv. Memberi kemudahan dan perkhidmatan asas kepada kawasan setinggan yang belum dipindahkan.

v. Rumah setinggan di atas tanah kerajaan yang terlibat dengan projek pembangunan yang dirobohkan hendaklah diberi alternatif perumahan awam.

Dasar-dasar kerajaan ini dilaksanakan secara pentadbiran dan juga melalui kuatkuasakan undang-undang. Undang-undang yang bersabit dengan setinggan yang dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah Kanun Tanah Negara dan Peraturan-Peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan-Setinggan) 1969 (P.U. (a) 395/1969).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1.2 Undang-Undang yang Diguna Pakai

Terdapat tiga undang-undang yang melibatkan setinggan. Antaranya adalah:-

i. Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1969 : Peraturan-Peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan-Setinggan) 1969.
ii. (Akta 267) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 Di Bawah Bahagian 4: Kawalan Perancangan
iii. Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 425 (1) (c)

1.1.3 Faktor Penyumbang bagi Pertumbuhan Kawasan Setinggan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembentukan kawasan setinggan di sekitar Kuala Lumpur. Dua faktor utama yang diberi fokus dalam kajian ini ialah faktor Perbandaran serta faktor Pertumbuhan Ekonomi dan Penghijrahan.

1.1.3.1 Perbandaran

Perbandaran merujuk kepada pembangunan di kawasan bandar (Kuala Lumpur) yang memberi kesan terhadap masyarakat, sama ada positif atau pun negatif. Pembentukan kawasan setinggan kesan dari proses perbandaran di sekitar kawasan Kuala Lumpur adalah satu bentuk kesan negatif. Dalam erti kata lain, walaupun perbandaran merupakan indikator pembangunan tetapi ia juga menjadi penyebab pada kewujudan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fakta negatif di mana tahap kemiskinan menjadi semakin meningkat di kawasan bandar berbanding kawasan luar bandar (Rao, Jaswal & Kumar 2004).

Setinggan sering dikaitkan dengan mereka yang berhijrah dari luar bandar ke bandar. Kerancakan penghijrahan penduduk dari desa ke kota bermula di sekitar tahun 1970an. Peluang pekerjaan di kawasan bandar akibat daripada perindustrian pada tahun tersebut dan tahun-tahun yang berikutnya, mengakibatkan sejumlah 20 peratus penduduk berhijrah dari desa ke bandar (UNDP, 2009). Penghijrahan yang berlaku menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan perbandaran.


1.1.3.2 Pertumbuhan Ekonomi, Penghijrahan dan Pertumbuhan Bandar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertumbuhan yang dialami oleh Malaysia di sekitar tahun 50an dan yang berikutnya adalah amat memberangsangkan bukan sahaja di peringkat ASEAN malah juga jika diukur sehingga ke peringkat Asia Tenggara. Malaysia juga merupakan salah satu negara yang merekodkan ekonomi paling kukuh; hasil dari pertumbuhan pesat industri pembuatan di kawasan-kawasan bandar, di rantau ASEAN dan juga di rantau Asia Tenggara (UNDP, 2009). Penduduk bandar di Malaysia dijangka mencecah hampir 78 peratus pada tahun 2020 berbanding hanya 62 peratus pada tahun 2000 (United Nations, 2012). Rajah 1.1 menunjukkan pertumbuhan bandar di Malaysia adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan Asian Tenggara dan di benua Asia secara keseluruhannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 1.1. Unjuran Perbandaran Mengikut Wilayah/Kawasan Utama. Sumber: *Department of Economic and Social Affairs, United Nations*, 2012

Penghijrahan penduduk dari desa ke bandar menyebabkan pertumbuhan bandar yang pesat di Malaysia. Rajah 1.2 memaparkan penghijrahan penduduk dari desa ke bandar (United Nations, 2012). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, penduduk bandar pada tahun 2011 berjumlah 13.7 million berbanding hanya 8.9 million pada tahun 1991. Pertumbuhan sebanyak 35.7 peratus telah dicatatkan. Pertambahan penduduk ini telah menyebabkan perbandaran di Kuala Lumpur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2. Unjuran Penghijrahan Desa dan Bandar di Malaysia. Sumber: *Department of Economic and Social Affairs, United Nations*, 2012

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1.4 Perbandaran dan Pembentukan Kawasan Setinggan

Proses perbandaran bukan sahaja membawa kepada pertumbuhan dan modenisasi, malah juga telah menyebabkan kewujudan kemiskinan; ketidakmampuan untuk membeli rumah, dan pertumbuhan kawasan-kawasan penduduk setinggan (Mohanty, 2000). Banci 2010 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan penurunan dalam peratusan pemilikan rumah oleh mana-mana ahli dalam isi rumah persendirian iaitu daripada 67.3 peratus pada 2000 kepada 59.0 peratus pada 2010. Peratusan isi rumah yang tidak memiliki rumah pula adalah sebanyak 21.3 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah kemiskinan menyebabkan masih terdapat 21.3 peratus rakyat tidak mampu memiliki rumah. Menurut UN Habitat, populasi yang terlibat dalam masalah setinggan di negara-negara berpendapatan tinggi pada tahun 2000 adalah sebanyak 800 million di bandar dan 200 million di luar bandar. Populasi setinggan ini diunjurkan meningkat kepada 900 million di bandar pada tahun 2030 dan di luar bandar pula kekal pada 200 million pada tahun 2030. Manakala populasi setinggan di negara-negara berpendapatan sederhana dan rendah pada tahun 2000 adalah sebanyak 2000 million di bandar dan 3000 million di luar bandar. Populasi setinggan di bandar yang diunjurkan pada tahun 2030 meningkat kepada 4000 million manakala unjuran populasi setinggan di luar bandar kekal pada 3000 million. Di Asia, masalah setinggan merangkumi sebanyak 42 peratus dari populasi keseluruhan. Malaysia yang merupakan salah sebuah negara di Asia turut terlibat dalam masalah setinggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Kamus Dewan, setinggan merujuk kepada rumah yang didirikan di atas tanah kerajaan secara haram atau tanpa kebenaran. Biasanya rumah setinggan terletak di kawasan bandar dan tidak sempurna kemudahan asasnya. Dari maklumat yang diperoleh dari pihak Dewan Bandar raya Kuala Lumpur setinggan merujuk kepada rumah, pondok, bangsal, gerai, sengkuap, tempat perteduhan, kurungan beratap, atau sebarang sambungan atau binaan yang bercantum kepada sesuatu bangunan atau binaan lain yang dibuat daripada sebarang jua bahan dan sama ada digunakan sebagai tempat kediaman manusia atau selainnya yang telah dibina atau sedang dalam binaan mengikut sebarang cara melainkan mengikut pelan yang diluluskan oleh sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan yang terletak di atas tanah "Ordinan (Kuasa Perlu) Darurat 1969".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu takrifan asas setinggan adalah kawasan yang haram atau tidak sah tanah atau perumahan. Oleh itu, penempatan setinggan boleh ditakrifkan sebagai kawasan perumahan yang telah dibangunkan tanpa tuntutan undang-undang kepada tanah atau kebenaran daripada pihak berkuasa berkenaan untuk membina rumah. Akibat daripada kawasan haram atau tidak berkelulusan di sisi undang-undang, infrastruktur dan kemudahan asas mereka biasanya tidak sempurna dan tidak mencukupi.

Terdapat tiga ciri setinggan yang membantu untuk memahami fenomena ini iaitu fizikal, sosial dan undang-undang. Ciri-ciri fizikal setinggan biasanya termasuk kemudahan asas dan infrastruktur di bawah tahap yang mencukupi atau minimum. Ini termasuk air, elektrik, jalan raya, dan kemudahan kesihatan serta lain-lain lagi. Ciri-ciri sosial pula merujuk kepada golongan miskin di mana kebanyakan penduduk dari golongan berpendapatan rendah yang sebahagian besarnya bekerja dalam sektor tidak formal. Dari segi undang-undang pula, kawasan setinggan dicirikan sebagai tanah haram di mana penduduk-penduduk tidak mempunyai sebarang hak milik ke atas tanah yang mereka menduduki atau membina rumah-rumah mereka.

Kawasan setinggan wujud dalam bentuk kediaman kerana penduduk setinggan terlibat dalam aktiviti pertanian dan komersial. Jimmy Tindigarukayo (2005) dalam penilaian dasar berhubung kawasan setinggan di Jamaica telah mengenal pasti lima faktor yang dianggap sebagai faktor yang telah memburukkan lagi masalah setinggan. Faktor-faktor yang diketengahkan adalah:-

i. Penghijrahan dari luar bandar ke bandar
ii. Kekurangan perumahan
iii. Masalah kewangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Sokongan politik

v. Terdapat tanah-tanah terbiar

Penduduk setinggan yang hidup dengan serba kekurangan akibat kemiskinan turut mengalami masalah ketidakupayaan untuk mendapat pendidikan. Tahap pendidikan penduduk setinggan terjejas kerana kemiskinan. Menurut kajian Mohamad Johdi Salleh, et., al. (2009), masalah kemiskinan, kesempitan hidup dan kewangan menyebabkan ibu bapa tidak mampu untuk menampung perbelanjaan sekolah anak-anak. Oleh itu, anak-anak mereka bekerja untuk membantu menyara keluarga, membantu ibu bapa untuk menjalankan pekerjaan mereka dan menjaga adik-beradik semasa ibu bapa bekerja.

Selain itu, penduduk setinggan yang miskin tidak mampu untuk memberikan makanan yang berkhasiat kepada anak-anak untuk perkembangan minda. Ia boleh mempengaruhi konsentrasi dan pembelajaran harian. Kekurangan zat yang mempengaruhi pembesaran dan kekurangan pengawasan oleh ibu bapa boleh mengehadkan pembelajaran. Hal ini kerana kekurangan motivasi untuk belajar dan perkembangan kognitif yang lambat. Akhirnya anak-anak penduduk setinggan menjadi buta huruf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Maklumat Setinggan Mengikut Kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Tanah Kerajaan) sehingga 30.11.2015

Bil	Parlimen	Maklumat Setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		
		Bilangan Kawasan Setinggan	Jumlah Keluarga Setinggan Asal	Baki Keluarga Setinggan Terkini
1	Batu	5	455	203
2	Bandar Tun Razak	2	101	57
3	Cheras	3	624	601
4	Bukit Bintang	-	-	-
5	Kepong	2	113	113
6	Lembah Pantai	-	-	-
7	Segambut	1	8	8
8	Seputeh	1	251	34
9	Setiawangsa	1	87	18
10	Titiwangsa	-	-	-
11	Wangsa Maju	3	280	257
	Jumlah	**18**	**1919**	**1291**

Sumber: Garis Panduan Pengurusan Setinggan, DBKL, 2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Maklumat Setinggan Mengikut Kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Projek Penswastaan) – sehingga 30.11.2015

Bil	Parlimen	Maklumat Setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		
		Bilangan Kawasan Setinggan	Jumlah Keluarga Setinggan Asal	Baki Keluarga Setinggan Terkini
1	Batu	2	254	254
2	Bandar Tun Razak	-	-	-
3	Cheras	1	90	70
4	Bukit Bintang	-	-	-
5	Kepong	3	1106	1106
6	Lembah Pantai	-	-	-
7	Segambut	-	-	-
8	Seputeh	-	-	-
9	Setiawangsa	-	-	-
10	Titiwangsa	1	160	94
11	Wangsa Maju	1	86	86
	Jumlah	**8**	**1696**	**1610**

Sumber: Garis Panduan Pengurusan Setinggan, DBKL, 2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Laporan Bank Dunia 2009, kemiskinan ditakrifkan sebagai "… kelaparan. Kemiskinan adalah kekurangan tempat tinggal. Kemiskinan adalah apabila tidak sihat, tidak sanggup dan tidak mampu untuk berjumpa doktor. Kemiskinan adalah tidak mempunyai perkhidmatan persekolahan dan tidak boleh membaca. Kemiskinan adalah tidak bekerja, takut akan masa depan. Kemiskinan diumpamakan seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kemiskinan adalah kehilangan seorang kanak-kanak kerana masalah kesihatan akibat daripada air yang tidak bersih. Kemiskinan adalah tidak berkuasa, kekurangan perwakilan dan kebebasan" (Bank Dunia, 2009). Kenyataan yang dikeluarkan oleh laporan yang sama juga mendakwa, masyarakat yang tidak memiliki tempat tinggal yang sah dan tidak mempunyai perkhidmatan persekolahan dikategorikan sebagai miskin. Selain itu, penduduk miskin juga dikaitkan dengan pelbagai isu berantai lain yang disabitkan wujud kerana faktor kemiskinan; seperti penghalang pembangunan, mengabaikan faktor keselamatan dan kesihatan.

Lanjutan dari permasalahan yang dikemukakan di atas, pengkaji berhasrat untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam untuk melihat sejauh mana kebenaran dakwaan ini terhadap kumpulan penduduk miskin. Pilihan kumpulan penduduk miskin dalam kajian ini di beri fokus kepada penduduk setinggan di kawasan-kawasan terpilih di Kuala Lumpur. Aspek yang diberi tumpuan ialah tingkat pendapatan, tahap kebajikan dan juga status pendidikan penduduk setinggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum atau tujuan kajian ini ialah; mengenal pasti tahap kemiskinan penduduk kawasan setinggan serta hubungannya dengan tingkat pendapatan. Penyataan objektif khusus yang disasarkan pula adalah seperti berikut;-

i. Mengukur tingkat pendapatan penduduk setinggan.
ii. Mengenal pasti tahap kebajikan penduduk setinggan.
iii. Menentukan tingkat pendidikan penduduk setinggan.
iv. Menganalisis hubungan di antara faktor pendidikan dan faktor ekonomi penduduk setinggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Persoalan Kajian

i. Berapakah tingkat pendapatan (isi rumah) penduduk setinggan?
ii. Apakah tahap kebajikan penduduk setinggan?
iii. Apakah status pendidikan penduduk setinggan?
iv. Apakah hubungan di antara tahap pendidikan dan ekonomi?

1.5 Hipotesis Kajian


Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan dan tahap ekonomi.

H_1 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan dan tahap ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Keseluruhan

pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

Kerangka konseptual keseluruhan bagi kajian ini dipaparkan di Rajah 1.3. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kemiskinan penduduk kawasan setinggan dan hubungannya dengan pendidikan. Demi mencapai matlamat ini, tingkat pendapatan, tahap kebajikan dan tingkat pendidikan penduduk kawasan setinggan telah diukur. Perkara ini dipaparkan melalui cabang-cabang kajian ini iaitu, ekonomi, kebajikan dan pendidikan.

Tahap ekonomi, kebajikan dan pendidikan diukur berdasarkan maklumat-maklumat pecahan yang diperoleh. Bagi menilai status ekonomi, tingkat pendapatan ketua dan pasangan, sumbangan anak, sumber pendapatan lain tetap dan sumber pendapatan lain tidak tetap bagi setiap keluarga dikutip. Kemudian, kesemua pendapatan tersebut dijumlahkan dan jumlah pendapatan tersebut dikategorikan menurut tahap pendapatan yang diumumkan oleh kerajaan iaitu B40, M40 dan T20. B40 merujuk kepada jumlah pendapatan purata yang kurang daripada RM3860. Keluarga yang mendapat jumlah pendapatan ini adalah golongan miskin. M40 pula merujuk kepada jumlah pendapatan purata antara RM3860 hingga RM8319. Keluarga yang berstatus ekonomi sederhana adalah mereka yang berpendapatan M40. Manakala, T20 merujuk kepada jumlah pendapatan purata yang lebih daripada RM8319. Keluarga yang memperoleh jumlah pendapatan ini dikatakan kaya. Selain jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan keluarga juga dikira kerana ia juga merupakan satu cara untuk mendapatkan jumlah pendapatan. Jumlah perbelanjaan dikira berdasarkan dua aspek perbelanjaan iaitu barang keperluan dan barang kemewahan. Keperluan merujuk kepada makanan dan minuman, pakaian dan kasut, air, elektrik, gas dan bahan api, perbelanjaan perubatan, insurans, pengangkutan, komunikasi dan pendidikan. Kemewahan pula merujuk kepada minuman alkohol,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tembakau, astro, alat solek, perkakas rumah, hiasan rumah, hiburan, makan di kedai atau restoran, barang-barang emas, bayaran penginapan, bayaran ansuran rumah, bayaran ansuran kenderaan dan bayaran ansuran tanah. Kesemua perbelanjaan ini dijumlahkan dan jumlah perbelanjaan ditolak dari jumlah pendapatan untuk mendapatkan baki. Baki yang diperoleh dianggap tabungan keluarga.

Tahap kebajikan pula diukur berdasarkan tiga aspek iaitu pemilikan harta, infrastruktur dan bantuan yang diperoleh. Sebanyak 34 harta yang dikenal pasti telah disenaraikan dan responden dipohon untuk menandakan harta yang dimiliki. Kemudahan infrastruktur diukur berdasarkan lapan kemudahan yang dinikmati oleh penduduk setinggan iaitu, bekalan elektrik, bekalan air paip, jalan berturap, talian telefon, jaringan internet, penerimaan pos, perkhidmatan pungutan sampah dan perkhidmatan sistem kumbahan dan saliran yang sistematik. Bantuan yang diterima oleh penduduk setinggan dinilai dalam kajian ini kerana kerajaan telah menetapkan garis panduan atau beberapa kriteria untuk memberikan bantuan iaitu, jumlah pendapatan purata isi rumah mesti berada dalam kategori B40, salah seorang atau kedua-dua ketua dan pasangan tidak boleh mempunyai lesen pendaftaran syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan lain-lain lagi. Daripada kriteria ini boleh dikatakan bahawa isi rumah yang tidak mendapat bantuan BRIM adalah bukan keluarga miskin. Keputusan tahap kebajikan dibuat berdasarkan beberapa kategori yang ditetapkan. Kategori ini diterangkan dengan lebih lanjut dalam bab 4.

Tahap pendidikan ketua dan pasangan diukur berdasarkan empat kategori iaitu, tidak bersekolah dan sekolah rendah, sekolah menengah, sijil dan diploma serta ijazah dan ke atas. Keempat-empat kategori ini diberikan tahap iaitu rendah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi. Ukuran tahap pendidikan telah dijalankan dengan mengambil kira tempoh tahun yang diperlukan untuk pengajian sesuatu kategori tersebut. Pengukuran tersebut akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab 3 (Jadual 3.3).

1.7 Kepentingan Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan dengan mengambil kira beberapa kepentingan. Antaranya, hasil daripada kajian ini dapat membantu menjawab persoalan-persoalan tentang tahap kebajikan (sosial-ekonomi) penduduk setinggan seperti tingkat pendapatan, tahap kemiskinan, tahap pendidikan dan hubungan antara kemiskinan dengan tahap pendidikan penduduk setinggan. Di samping itu, hasil kajian ini akan memperluaskan pengetahuan khususnya dari aspek pentadbiran dan pengurusan yang berkaitan dengan tahap kebajikan penduduk setinggan.

Selain itu, kajian ini dapat memberi maklumat dan panduan kepada pembuat dan perancang dasar tentang polisi-polisi utama yang perlu diberi perhatian. Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan serta pengukur kepada pihak kerajaan tempatan, terutamanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam usaha untuk menilai, merancang, mengelola dan melaksanakan sesuatu keputusan atau dasar bagi menghalang kewujudan semula masalah setinggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Batasan Kajian

Terdapat secara jumlah 11 kawasan parlimen di Bandaraya Kuala Lumpur. Menurut data Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, populasi isi rumah setinggan di tanah kerajaan adalah berjumlah 1291 (Jadual 1.1). Daripada populasi tersebut sampel yang dipilih hanya seramai 150 isi rumah sahaja. Daripada jumlah responden kajian tersebut, penduduk setinggan di Kampung Puah seramai 32 responden dipilih sebagai responden kajian perintis. Demi memenuhi syarat untuk pengurniaan ijazah sarjana pendidikan (ekonomi), penulisan kertas ilmiah ini hanya ditumpukan di dua kawasan sampel yang terpilih sahaja dalam proses kutipan data. Keputusan ini dibuat berdasarkan cadangan dari pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan mempertimbangkan faktor kerjasama dan keselamatan yang diperoleh dari penduduk setinggan tersebut. Kajian ini terbatas kepada kawasan setinggan di Kuala Lumpur sahaja sedangkan masalah setinggan wujud di seluruh Malaysia. Tempoh kajian dilaksanakan pada tahun 2017. Keputusan kajian ini boleh diguna pakai dalam tempoh lima tahun ke belakang dan lima tahun ke depan.

1.9 Definisi Operasional

Kajian ini melibatkan beberapa istilah yang utama. Antaranya ialah miskin, miskin tegar, miskin bandar dan setinggan. Menurut konteks Malaysia, miskin di bandar merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang atau bersamaan dengan RM940.00 (Semenanjung Malaysia), RM1,160.00 (Sabah/Labuan) dan RM1,040.00 (Sarawak). Manakala miskin tegar adalah isi rumah yang jumlah pendapatan mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurang atau bersamaan dengan RM580.00 (Semenanjung Malaysia), RM690.00 (Sabah/Labuan) dan RM700.00 (Sarawak). B40 merujuk kepada pendapatan purata bulanan kurang dari RM3860. M40 merujuk kepada pendapatan purata bulanan antara RM3860 hingga RM8319. T20 merujuk kepada pendapatan purata bulanan lebih dari RM 8319. Perbandaran merujuk kepada perluasan saiz geografi dan saiz penduduk akibat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat. Penghijrahan merujuk kepada penduduk yang berpindah tempat tinggal dari luar bandar ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan.

Terdapat sejarah yang sangat panjang bagaimana pentakrifan kemiskinan dilakukan oleh ahli akademik di peringkat global. Perbincangan dan pendekatan yang didebatkan kadang-kala membawa kepada takrifan dari dimensi yang lebih luas kepada sempit untuk memastikan kemiskinan berdasarkan taraf hidup atau pendapatan atau keupayaan seseorang.

Konsep kemiskinan mutlak dan relatif telah dibincangkan dalam aspek yang berbeza oleh ahli-ahli ekonomi. Beberapa penyelidik dan ahli akademik mempertimbangkan kemiskinan hanya dari segi pendapatan atau tahap yang lebih besar iaitu hak ke atas sumber-sumber kewangan. Tetapi pendekatan ini telah dikritik kerana ia mengabaikan status sosial seseorang individu yang merupakan sebahagian daripada masyarakat. Aspek penting yang perlu ditekankan adalah bukan sahaja taraf sosial yang mempunyai kesan ke atas taraf hidup dan pendapatan keseluruhan seseorang individu tetapi kadang-kala taraf pendapatan dan taraf hidup menandakan terdapat taraf sosial yang dinilai melalui penyertaan sosial mereka. Oleh itu, selain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada aspek pendapatan, aspek lain yang perlu dipertimbangkan adalah penyertaan sosial seseorang (Kandari, P., 2005).

Nolan & Whelan (1997) mentakrifkan kemiskinan dari segi ketidakupayaan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti masyarakat. Mereka menekankan dengan jelas bahawa ketidakupayaan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti masyarakat adalah kerana kekurangan sumber. Kajian oleh Lister (2004) yang seakan selari dengan kajian Nolen dan Whelan (1997), dengan jelas membuat ukuran kemiskinan dengan menitikberatkan perkara penyertaan sosial yang dinilai oleh kawalan ke atas sumber kewangan. Walau bagaimanapun, ada yang berpendapat definisi tersebut masih tidak luas kerana tidak termasuk unsur-unsur bukan material dalam mentakrifkan kemiskinan. Langmore (2000) yang mengulas tentang perkara ini menyatakan, aspek-aspek yang bukan material adalah seperti kekurangan penyertaan dalam membuat keputusan, pencabulan martabat manusia, ketiadaan kuasa dan kecenderungan kepada keganasan. Bersabit dengan isu yang sama, kajian oleh Kandari (2005) walau bagaimanapun pula berpendapat, takrifan kemiskinan boleh dibuat dari pelbagai dimensi dengan memasukkan aspek-aspek sosial dan bukan materialistik.

Aspek lain yang dibahaskan untuk mentakrifkan kemiskinan adalah sama ada ia ditakrifkan semata-mata dari segi pendapatan atau aspek yang lebih berkaitan iaitu taraf hidup juga perlu dipertimbangkan. Taraf hidup merujuk kepada kedudukan seseorang dalam masyarakat (Kandari, 2005). Menurut Sen (1980), kemiskinan merujuk kepada kekurangan keupayaan. Keupayaan seseorang boleh terhalang melalui pelbagai cara iaitu; kekurangan pendidikan, tadbir urus yang buruk,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekurangan pendapatan dan lain-lain lagi. Pendekatan ini menyatakan bahawa kebahagian diwujudkan dengan pelbagai cara iaitu melalui komponen material dan bukan material.

Pendekatan lain berkaitan dengan isu kemiskinan adalah kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak merujuk kepada kekurangan sumber asas yang diperlukan untuk hidup dan ditentukan oleh kerajaan (Kandari, 2005). Kemiskinan mutlak menerangkan keadaan di mana keperluan asas tidak dapat memenuhi kepuasan keseluruhan hidup. Hal ini kerana kemiskinan mutlak adalah sumber minima yang perlu untuk hidup (Usman, 2009). Kemiskinan relatif adalah unjuran, di mana ia menunjukkan bilangan penduduk relatif miskin kepada penduduk lain dalam sesuatu kawasan tertentu (Kandari, 2005). Dalam hal ini, kemiskinan pada dasarnya ialah ketidaksamaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia, kawasan setinggan ditakrifkan di bawah Seksyen 3, Akta Kawasan Setinggan (Penambahbaikan dan Pelepasan) 1956 iaitu pembinaan bangunan di kawasan setinggan tidak sesuai untuk didiami atau rumah yang usang, lebih kesesakan, penyusunan rekabentuk bangunan yang tidak teratur, kesempitan atau pembinaan jalan yang tidak tertatur, kekurangan pengudaraan, cahaya, kemudahan sanitasi atau mana-mana gabungan faktor-faktor ini yang menjejaskan keselamatan, kesihatan dan akhlak penduduk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Susun Atur Bab

Terdapat lima bab dalam kajian ini. Bab ke dua membincangkan aspek-aspek tinjauan literatur berkaitan penduduk setinggan, kawasan setinggan dan sebab-sebab kewujudan kawasan setinggan serta kesan-kesan kawasan setinggan. Bab ke tiga pula membincangkan tentang metodologi kajian yang akan digunakan untuk mengukur kualiti hidup masyarakat setinggan. Analisis kualiti hidup penduduk setinggan adalah berdasarkan pemboleh ubah yang dikenal pasti iaitu tingkat pendapatan, tahap kebajikan dan tahap pendidikan. Dapatan analisis tersebut akan dibincangkan dalam bab yang ke empat. Bab terakhir iaitu bab lima merangkumi perbincangan, kesimpulan dan cadangan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun psi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan sorotan literatur dari penulisan-penulisan lepas. Ia terbahagi pada tiga sub topik, dan susun atur sub topik adalah seperti berikut. 2.1 Kerangka Teori, 2.2 Sorotan Literatur dan 2.3 Rumusan.

2.1 Kerangka Teori

Teori Ekonomi Klasik yang muncul sekitar abad ke 18 dan awal abad ke 20 mengetengahkan proses pertumbuhan ekonomi dan kaitannya dengan kependudukan. Adam Smith telah menerangkan konsep pertumbuhan melalui bukunya yang bertajuk "The Wealth of Nations" (1776). Terdapat 3 kombinasi penting bagi pertumbuhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ekonomi iaitu pengumpulan modal, pertumbuhan penduduk dan kemajuan teknologi. Pertumbuhan penduduk yang merupakan salah satu faktor pembangunan merupakan isu utama yang berkaitan dengan kajian ini. Oleh yang demikian, isu pertumbuhan penduduk diteliti dari sudut ekonomi kerana ia memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi.

Menurut Adam Smith (1776), pertumbuhan penduduk merupakan faktor penentu bagi pertumbuhan/pembangunan ekonomi. Hal ini kerana penduduk yang ramai akan mewujudkan pasaran terhadap barangan dan juga tenaga buruh. Keadaan ini kemudiannya akan mewujudkan pengkhususan yang akan meningkatkan produktiviti negara. Peningkatan produktiviti akan menggalakkan penciptaan teknologi baharu yang dapat membantu pengeluaran lebih efisien. Keseluruhan proses membantu menambah pendapatan dan seterusnya jumlah tabungan negara.

Namun, pandangan Smith mengenai peranan pertumbuhan penduduk sebagai faktor bagi pembangunan ekonomi dikritik oleh David Richardo (dalam Berma et *al*., 2000) kerana pertumbuhan penduduk tertakluk pada hukum pulangan sut berkurang (LDMR). Hal ini kerana semakin ramai pekerja yang diambil untuk bekerja, sampai satu had daya pengeluaran berubah menjadi semakin lama semakin berkurang. Menurut Teori Pertumbuhan Ekonomi David Ricardo lagi, pertambahan penduduk yang berterusan akan menyebabkan sewa tanah semakin tinggi dan tingkat keuntungan yang diperoleh pengusaha semakin lama semakin berkurang. Ini menunjukkan tanah, populasi dan pengeluaran juga tertakluk pada hukum pulangan bertambah kurang (LDMR).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

J.S. Mill (di dalam Berma et *al*., 2000) juga sependapat dengan Ricardo yang menyatakan pertambahan penduduk yang berterusan dalam keadaan tanah adalah terhad akan menyebabkan hukum pulangan bertambah kurang. Mills seterusnya menyatakan pembangunan ekonomi bergantung kepada dua perubahan; iaitu perubahan tingkat pengetahuan masyarakat dan perubahan untuk menghapus halangan-halangan pembangunan yang dicipta oleh manusia seperti corak pemikiran, adat istiadat dan amalan tradisional. Peranan pendidikan sangat penting dalam pertumbuhan ekonomi.

Isu kaitan kependudukan dan kaitannya dengan ekonomi juga dikupas oleh Robert Malthus yang popular melalui penulisannya yang bertajuk "*Essay on the Principle of Population*" pada tahun 1778 (di dalam Berma et *al*., 2000). Beliau berpendapat, pertumbuhan penduduk berlaku secara geometrik (gandaan) manakala pertumbuhan makanan berlaku secara arithmetrik (berkadaran). Dalam jangka masa panjang; pertambahan penduduk akan menjadi stabil pada tahap upah sara diri iaitu tahap upah minimum yang diperlukan untuk terus hidup. Teori penduduk Malthus ini mempengaruhi penghijrahan dan penempatan semula lebihan buruh di Eropah ke dunia baharu (negara jajahan).

Selain memberi fokus pada isu pertumbuhan penduduk dan kesannya terhadap ekonomi, ekonomis-ekonomis berhaluan Klasik ini juga membincangkan isu pertumbuhan penduduk dan kesannya terhadap kemiskinan dan pendidikan.

Seperti yang telah dinyatakan di petikan yang lebih awal teori kependudukan Smith (1776) bersifat optimis bahawa; pertumbuhan penduduk membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan ekonomi. Pendapat ini walau bagaimanapun disangkal oleh Ricardo (1817) dan J.S. Mill (dalam Berma et *al.,* 2000); yang bersifat lebih pesimis terhadap kesan kependudukan pada ekonomi. Secara spesifik, kedua belah pihak mengatakan pertumbuhan penduduk dalam keadaan tanah terhad akan menyebabkan sewa tanah semakin tinggi dan tingkat keuntungan semakin berkurangan. Perkara ini akan memberikan kesan limpahan negatif (spill-over cost) pada penduduk yang berpendapatan rendah tidak semestinya tidak mampu memiliki rumah. perkara ini akan menggalakkan kewujudan kawasan-kawasan setinggan.

Mills yang memberi fokus pada aspek pendidikan berpendapat; pengetahuan (pendidikan) penduduk berupaya membawa pada pembangunan ekonomi. Rumus yang boleh dibuat dari pakar-pakar ekonomi ini ialah; tahap pendidikan penduduk boleh mempengaruhi tingkat pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat walaupun penduduk tersebut berstatus miskin.

Menurut Teori Kependudukan Robert Malthus pula, pertumbuhan penduduk akan menjadi stabil pada tahap upah sara diri iaitu upah minimum yang diperlukan oleh penduduk untuk terus hidup. Seterusnya ia menyebabkan penghijrahan dan penempatan semula. Pendapat ini terbukti benar dalam situasi sebenar di mana-mana negara; dan dalam kes Malaysia, kebanyakan penduduk setinggan di sekitar Bandar raya Kuala Lumpur berhijrah dari desa untuk mencari rezeki dan menjadi setinggan kerana mendapat upah yang berpatutan untuk saradiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Sorotan Literatur

Fokus utama kajian semasa ialah mengenal pasti tahap ekonomi-pendidikan penduduk-penduduk miskin. Skop kajian melibatkan tiga aspek utama iaitu; kemiskinan, kebajikan dan juga pendidikan. Perbincangan di bahagian ini memberi fokus utama pada ketiga-tiga perkara tunjang ini dan juga perkara-perkara lain yang berkait rapat dengannya di mana isu kemiskinan dihuraikan melalui perbandaran dan setinggan, aspek kebajikan disentuh dalam bentuk isu sosio-ekonomi dan yang terakhir adalah isu-isu yang berkaitan dengan aspek pendidikan.

2.2.1 Perbandaran dan Kemiskinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbandaran ditakrifkan sebagai satu proses di mana sebahagian penduduk yang semakin meningkat daripada jumlah penduduk yang tinggal di sesuatu kawasan geografi di bandar. Perbandaran merupakan satu petunjuk pembangunan; namun, ia juga adalah hakikat pahit bahawa kemiskinan berkembang lebih cepat di kawasan bandar berbanding di kawasan luar bandar.

Dunia sedang melangkah gelombang terbesar dalam pertumbuhan bandar di dalam sejarah. Pada tahun 2008, buat kali pertama dalam sejarah, lebih separuh daripada penduduk dunia tinggal di bandar. Dijangkakan, pada tahun 2030 jumlah ini diunjurkan akan meningkat kepada 5 billion, dengan pertumbuhan bandar tertumpu di Afrika dan Asia. Tempoh masa lebih kurang 800 tahun diambil oleh penduduk-penduduk dunia untuk menjadikan / mewujudkan bandar tetapi diramalkan bahawa ia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan mengambil masa kurang daripada 80 tahun sahaja untuk proses perbandaran. (Guiness & Nagle, 1999).

Perbandaran berkait rapat dengan pemodenan, perindustrian dan perkembangan sosiologi yang rasional. Walaupun perbandaran merupakan petunjuk pembangunan, ia juga membawa banyak masalah sosio-ekonomi. Seramai satu billion orang tinggal di kawasan setinggan di bandar, yang biasanya penuh sesak, tercemar dan berbahaya, dan tidak mempunyai perkhidmatan asas seperti air bersih dan tempat pelupusan kumbahan. (UNPFA, 2007). Menurut Rao (1999), proses perbandaran mempunyai pengaruh yang besar terhadap semua aspek masyarakat dan mencerminkan sifat pembangunan ekonomi dan serantau. Di seluruh dunia, seramai 1 billion isi rumah tinggal di kawasan setinggan bandar, yang biasanya penuh dengan kesesakan, pencemaran dan perkhidmatan asas yang tidak sempurna dan serba kekurangan. Salah satu sasaran yang ditetapkan oleh pemimpin-pemimpin dunia pada tahun 2000 adalah meningkatkan kualiti hidup penduduk setinggan sekurang-kurangnya 100 juta penduduk menjelang 2020. Objektif tersebut tidak sebegitu mudah untuk dicapai tanpa kerjasama semua negara yang terlibat.

Bandaraya Kuala Lumpur yang merupakan ibu kota Malaysia, juga berhadapan dengan cabaran tersebut. Hal ini kerana Kuala Lumpur yang bertaraf metropolitan dan diduduki oleh 7.2 juta penduduk sedang mengalami proses perbandaran. Akibatnya, masalah setinggan juga wujud di bandaraya Kuala Lumpur. Oleh itu, semua faktor yang melibatkan penduduk setinggan dan kawasan setinggan harus dikaji dengan teliti untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk setinggan. Secara dasarnya, bandar menawarkan suasana yang lebih baik untuk menyelesaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah sosial dan alam sekitar berbanding luar bandar (UNFPA, 2007). Oleh itu, bandaraya Kuala Lumpur juga mampu menangani masalah setinggan dengan mengkaji aspek-aspek yang terlibat dalam masalah setinggan seperti perbandaran, kemiskinan, kesengsaraan penduduk dan lain-lain. Robert McNamara, Bekas Presiden Bank Dunia telah menyatakan 'jika bandar tidak menangani masalah-masalah setinggan dengan cara yang membina, maka mereka akan menguruskan bandar dengan cara yang merosakkan. Oleh itu, semua aspek yang dikaji mestilah dengan cara yang membina.

2.2.2 Setinggan dan Kemiskinan

Konsep setinggan dan definisi setinggan berbeza-beza dari negara ke negara. Ia bergantung kepada keadaan sosio-ekonomi setiap lapisan masyarakat. Ciri-ciri asas setinggan adalah pembinaan rumah yang tidak teratur dan padat. Akibatnya berlaku kesesakan dan pengudaraan tidak mencukupi di kawasan setinggan. Keperluan asas seperti lampu yang tidak mencukupi, bekalan air minuman bersih yang kurang dan tiada perkhidmatan asas dibekalkan kepada penduduk setinggan.

Setinggan bandar merujuk kepada hasil yang boleh dilihat akibat kemiskinan, pengabaian dan salah tafsir lama dalam peranan 'negeri dalam demokrasi kapitalis' yang sepatutnya berkhidmat sama rata seluruh rakyat tanpa mengira etnik dan kelas ekonomi. Kawasan di bandar dimana wujud kawasan setinggan memberi gambaran akan kegagalan kerajaan untuk memberikan kebebasan dan hak sama rata untuk semua warganegara di mana akses kepada perumahan atau perlembagaan asas dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hak asasi manusia serta peruntukan infrastruktur awam tertumpu atau bergantung kepada tahap kemampuan yang majoriti penduduk tidak boleh capai. Rejim ini harus dipanggil bidang uji kaji pasaran keuntungan dan bukannya demokrasi.

Dalam kajiannya berhubung asal-usul dan hasil penduduk setinggan, Fox (2008) telah mengenalpasti tiga proses sejarah utama atau ciri yang berkaitan langsung dengan kemunculan setinggan berdasarkan insiden penempatan tersebut di seluruh dunia, iaitu:-

i. Pertumbuhan bandar yang pesat
ii. Warisan penjajah tadbir urus *(colonial legacies of governance)*
iii. Pecahan politik

Istilah 'setinggan' dijangka menanggung tahap negatif yang mencetuskan banyak perbincangan mengenai kesesuaian dan kecukupan penggunaannya. Dari segi sejarah, perkataan itu digunakan terutamanya untuk menentukan keadaan kediaman setinggan mungkin meningkatkan risiko penyakit berjangkit pada abad ke-19 di Ireland (Prunty 1998, 15-16). Ia telah lama dikaitkan dengan penyakit, keganasan dan jenayah, sebagai media hiburan - pawagam, muzik dan novel - sering digambarkan persekitaran seperti kumpulan samseng dan pemberontak.

Apa juga nama diberikan, 32 peratus daripada penduduk bandar di dunia tinggal di kawasan yang tidak teratur, penempatan yang tidak selamat ditakrifkan oleh UN-Habitat (2006) - yang bercadang untuk meletakkan penempatan manusia pada standard asas global - sebagai ‘isi rumah setinggan’ yang pada dasarnya ‘kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

individu yang hidup di bawah satu bumbung yang sama di kawasan bandar' menurut satu atau lebih daripada aspek-aspek berikut:

i. Tempoh keselamatan dan tiada risiko pengusiran paksa
ii. Pembinaan bersifat kekal, diperbuat daripada bahan tahan lama dan selamat (melindungi penduduk berkemungkinan tidak memburukkan lagi keadaan)
iii. Ruang tinggal yang mencukupi (untuk 3 orang / kongsi bilik)
iv. Mudah dan mampu memiliki air bersih dalam jumlah yang mencukupi
v. Akses kepada kemudahan kumbahan melalui tandas peribadi atau awam

Hasil kajian (Mohanty, 2000), menyatakan bahawa lebih daripada satu per tiga daripada penduduk setinggan di bandar Suva hidup dengan pendapatan per kapita kurang daripada FD2 sehari (RM3.86) dan seramai 11 peratus hidup dengan pendapatan per kapita F$1 sehari (RM1.93). Anggaran pendapatan mereka untuk seminggu adalah FD 98.40 (RM190.00) (Mohanty, 2006). Penduduk miskin yang tinggal di kawasan setinggan mempunyai sumber yang sangat terhad dan pilihan untuk rezeki mereka juga terhad. Hal ini menyebabkan mereka sangat sengsara. Sebahagian besar isi rumah setinggan (40 peratus) hidup dalam kemiskinan mutlak tanpa sebarang harta (Mohanty, 2006). Hasil kajian ini berbeza antara kumpulan etnik dan seluruh kawasan setinggan di bandar Suva.

Infrastruktur fizikal yang tidak mencukupi, infrastrukrut sosial dan penglibatan kerajaan yang kurang dalam memperbaharui keadaan perumahan setinggan menyebabkan kemiskinan melampau, kadar kematian kanak-kanak yang tinggi dan keadaan bandar yang tidak menentu (UN-Habitat, 2003). Pada tahun 1960-an dan 1970-an, berlaku proses perbandaran di negara-negara komunis. Akibatnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlaku aliran masuk penduduk dan pelari yang ramai ke bandar pada tahun 1990-an. Penempatan setinggan adalah hasil daripada faktor-faktor lain iaitu perancangan wilayah yang tidak teratur, undang-undang yang tidak mencukupi dan tidak menyesuaikan dengan realiti wilayah, peruntukan untuk memastikan perumahan mampu milik dalam dasar perumahan agak kurang serta struktur pentadbiran awam yang tidak cekap (Tsenkova, 2010).

2.2.3 Setinggan dan Sosioekonomi

Kajian yang dijalankan di China oleh Sun, Kind dan Burstrom (2008) menggunakan tahap pendidikan, pendapatan tahunan dan pekerjaan penduduk sebagai variabel-variable pengukur tahap sosioekonomi. Dapatan kajian ini menunjukkan responden dengan tahap pendidikan yang lebih rendah dilaporkan lebih banyak masalah kesihatan kecuali wanita yang berusia 65 tahun dan ke atas. Responden yang berstatus tahap pendidikan sekolah menengah dilaporkan status kesihatan yang terbaik. Responden dalam kumpulan berpendapatan rendah dilaporkan lebih banyak masalah kesihatan berbanding kumpulan pendapatan yang tinggi. Manakala responden dari kumpulan penganggur dilaporkan bermasalah dalam semua dimensi kesihatan yang dikaji.

Selain itu, kajian oleh Amit Patel, Naoru Koizumi & Andrew Crooks (2014) yang bertajuk ‘Mengukur tahap kehidupan masyarakat setinggan di Mumbai dan Kolkata: Pendekatan Berasaskan Rumah’ telah menggunakan lima pembolehubah yang ditentukan oleh UN-Habitat untuk mengenal pasti perkara-pekara sosioekonomi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berikut; kemudahan bekalan air untuk minum, kemudahan pelupusan bahan kumbahan, ruang yang mencukupi di rumah, struktur binaan rumah dan tempoh bercagar. Analisis kajian ini mendedahkan bahawa, menurut banci tahap kemiskinan di kawasan setinggan dan bukan setinggan (bandar) adalah sama. Terdapat empat kemungkinan sebab tidak dapat mengenal pasti tahap kemiskinan di kawasan setinggan. Pertama, menurut pengetahuan umum tidak semestinya penduduk di kawasan setinggan sangat miskin.

Pendapat ini sama dengan hasil kajian Chandrasekhar & Mukhopadhyay, 2008. Ke dua, penduduk setinggan yang berdaftar berasa sangat selamat kerana mereka tidak akan diusir atau rumah mereka tidak akan diroboh. Ke tiga, penduduk setinggan yang telah mendaftar tidak akan mendaftar semula setelah kemudahan rumah atau kualiti hidup mereka bertambah baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendapat ini sama dengan hasil kajian Gupta, Arnold & Lhungdim, 2009. Oleh itu, penduduk setinggan tidak semestinya hidup di rumah yang serba kekurangan. Akhir sekali, penduduk setinggan yang terpaksa dipilih sebagai responden kajian kerana kawasan setinggan tersebut dimasukkan dalam sempadan bandar Mumbai hasil pembangunan bandar yang sebelumnya bukan kawasan pentadbiran Mumbai menyebabkan penduduk setinggan yang ramai.

Manakala Nadeem Akhtar (2014) yang menjalankan kajian bertajuk ‘mengukur kesejahteraan penduduk yang tinggal di kawasan setinggan Islamabad dengan menggunakan Indeks Kekayaan *(Wealth Index)* dengan kekurangan isirumah sebagai suatu permohonan kepada Indeks Pembangunan Manusia *(Human*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Development Index) telah menggunakan pembolehubah-pemboleh yang dibangunkan dalam Wealth Index iaitu, jenis lantai, kemudahan sumber elektrik, aset isi rumah, jenis tandas digunakan dan sumber bekalan air minuman. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa tahap kemiskinan penduduk setinggan berbeza-beza di kalangan kawasan-kawasan setinggan. Cabaran yang paling utama adalah menampung penduduk yang berlebihan di kawasan setinggan. Secara umumnya, penduduk setinggan tidak berpelajaran tinggi. Peralihan demografi menyebabkan tahap literasi yang rendah. Masa depan penduduk setinggan hanya akan selamat jika merancang kediaman yang teratur dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk remaja.

Kajian Mohanty (2000) yang memberi tumpuan pada aspek sosioekonomi menyatakan bahawa kos hidup yang semakin meningkat di persekitaran bandar memberi kesan yang tinggi terhadap golongan miskin. Pengecualian sosial dari aspek penempatan dan peluang ekonomi menyebabkan mereka sangat sengsara. Kadar keganasan dan jenayah akibat daripada masalah pengangguran, sosial dan ekonomi semakin meningkat. Sebanyak 37 peratus responden menyatakan bahawa mereka hidup dalam keadaan sengsara kerana masalah jenayah manakala 34 peratus responden menyatakan bahawa mereka sengsara kerana dipertikaikan oleh jiran. Kebanyakan rumah setinggan di bandar Suva tidak mempunyai bekalan air dan sistem pembentungan yang nyata serta tidak ada perkhidmatan pengutipan sampah (Bank Dunia, 1995:13). Di samping itu, penduduk setinggan di bandar Suva melaksanakan aktiviti ekonomi tidak formal. Buruh merupakan aset utama golongan miskin. Menurut kajian, 48 peratus penduduk setinggan bekerja sebagai buruh biasa, 25 peratus penduduk setinggan bekerja sebagai pekerja tetap dimana gaji merupakan sumber pendapatan utama, 16 peratus penduduk setinggan bekerja sendiri, tiga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peratus penduduk setinggan merupakan penganggur dan tiga peratus lagi bekerja sebagai pembantu kebajikan serta berpencen (Mohanty, 2006). Aktiviti ekonomi tidak formal yang dilaksanakan oleh penduduk setinggan adalah pertukangan secara kecil-kecilan, pengasuh kanak-kanak, membina sampan, penjualan barangan seperti minuman keras, pakaian, makanan, ikan, buah-buahan, ketam, kelapa, kacang dan roti serta gunting rambut, percetakan, menjahit, kerja mekanikal, pembantu rumah, nelayan, juruelektrik, tukang paip, dan lain-lain kerja yang membawa bahaya kepada kesihatan dan boleh menyebabkan kecacatan fizikal (Mohanty, 2006). Bekerja di sektor tidak formal dalam keadaan serba kekurangan dan tiada jaminan kesihatan boleh menyebabkan kesengsaraan kesihatan dan penyakit dalam kalangan penduduk setinggan. Menurut kajian, terdapat perubahan yang besar dalam pendapatan bersih dan nilai harta penduduk setinggan yang bekerja di sektor tidak formal di bandar setelah aktiviti ekonomi sektor tidak forml dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.4 Setinggan dan Kualiti Hidup

Pertumbuhan pesat kawasan dan penduduk setinggan telah banyak menimbulkan masalah-masalah sosial, ekonomi dan alam sekitar di kawasan bandar. Pelbagai falsafah yang boleh digunapakai untuk pembangunan, terutamanya pembangunan manusia berkait rapat dengan kualiti hidup (Singh, 2009). Jha dan Tripathi (2014) telah menjalankan kajian dalam kalangan penduduk setinggan di bandar Varanasi, India, di mana sebanyak sepuluh pembolehubah telah digunakan untuk menilai kualiti hidup penduduk setinggan iaitu, sumber bekalan elektrik, minyak masak yang digunakan, sumber bekalan air, keadaan rumah, kemudahan pelupusan kumbahan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tempat pembuangan sampah, kemudahan kesihatan, tahap literasi, tahap literasi wanita, dan tahap kewarganegaraan.

Hasil kajian tersebut mendapati bahawa 70 peratus daripada populasi dan 80 peratus daripada kaum wanita merupakan buta huruf. Di sudut kesihatan pula, kurang daripada 35 peratus isi rumah setinggan menggunakan kemudahan hospital kerajaan, 26 peratus isi rumah menggunakan perubatan tradisional walaupun mereka tidak dibekalkan air minuman yang selamat dan tidak mempunyai kesedaran mengenai HIV.

Kualiti hidup yang sangat rendah dan ketiadaan sumber berpunca daripada kemiskinan. Kajian ini telah mendedahkan hanya 34 peratus penduduk setinggan memiliki kad merah untuk menikmati manfaat daripada program-program kerajaan. Kekurangan tempat pembuangan sampah yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan menyebabkan hanya 24 peratus isi rumah menggunakan kemudahan tersebut. Sistem kumbahan yang tidak sempurna menyebabkan pencemaran alam dan masalah-masalah berkaitan kesihatan. 64 peratus isi rumah menggunakan bekalan air dari bawah tanah kerana kekurangan saluran air di kawasan setinggan. Mereka menggunakan pam-tangan untuk mendapatkan air tersebut, khususnya air minum. 30 peratus isi rumah menggunakan minyak tanah sebagai sumber untuk tenaga eletrik (Jha & Tripathi, 2014).

Satu kajian telah dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Air di Jamaica pada tahun 2008 yang melibatkan seramai 320 penduduk setinggan. Menurut hasil kajian tersebut, 66 peratus daripada jumlah kawasan setinggan telah diwujudkan lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

20 tahun. Kebanyakan kawasan setinggan di Jamaica adalah kediaman. Infrastruktur fizikal (jalan dan parit) di kawasan setinggan kurang selesa atau tidak wujud. Kawasan setinggan mempunyai akses kepada air dan elektrik tetapi kebanyakan rumah setinggan mempunyai saluran secara haram. Majoriti penempatan setinggan mempunyai perkhidmatan kumbahan, air dan elektrik. 37 peratus daripada kasawasan setinggan mendapat manfaat daripada perbandaran untuk kutipan sampah manakala kawasan yang lain menggunakan gabungan tapak terbuka dan membakar. Masyarakat setinggan itu tidak mempunyai infrastruktur untuk pelupusan yang sesuai untuk bahan buangan kumbahan. Mereka menggunakan kaedah dominan rendam-jauh lubang dan tandas pit. Kawasan setinggan terletak berhampiran dengan sumber alam yang kebanyakannya tadahan air. Bencana alam yang dikenalpasti terdedah di kawasan setinggan adalah seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh dan ribut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Global Development Research Centre, setinggan merujuk kepada penggunaan tanah atau rumah secara haram. Oleh itu, penempatan setinggan boleh didefinisikan sebagai kawasan perumahan yang dibangunkan tanpa pemilikan tanah yang sah dan atau tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan. Oleh kerana kawasan perumahan setinggan dibangunkan tanpa kebenaran, maka infrastruktur dan kemudahan-kemudahan biasanya tidak mencukupi. Terdapat tiga ciri-ciri kawasan setinggan dimana ciri-ciri tersebut membantu untuk memahami fenomena kawasan setinggan. Ciri-ciri tersebut adalah dari segi fizikal, sosial dan perundangan. Dari segi fizikal, infrastruktur dan kemudahan di kawasan setinggan berada pada tahap yang paling rendah. Ia termasuk air, elektrik, jalanraya, kebersihan (sanitation). Dari segi sosial pula kebanyakan penduduk setinggan merupakan kumpulan berpendapatan rendah dimana ramai dalam kalangan mereka bekerja di sektor tidak formal. Dari segi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perundangan, penempatan setinggan dicirikan sebagai peneroka yang tidak mempunyai hak milik tanah yang sah dimana mereka mendirikan rumah masing-masing secara haram. Setinggan wujud dalam bentuk kediaman dan pertanian serta komersil.

Tindigarukayo (2005) dalam penilaian dasar berkenaan bagi kawasan setinggan di Jamaica telah mengenalpasti lima faktor yang dianggap sebagai memburukkan lagi masalah setinggan. Antaranya :-

i. Penghijrahan penduduk luar bandar / bandar
ii. Kekurangan perumahan
iii. Masalah ekonomi
iv. Sokongan politik
v. Terdapat tanah-tanah terbiar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping faktor-faktor tersebut, kadang-kala keganasan berterusan yang dilakukan oleh kumpulan samseng atau kumpulan politik di bandar menyebabkan keluarga berpendapatan rendah melarikan diri pada waktu malam dan ramai dalam kalangan mereka tidak mempunyai alternatif lain selain daripada mendirikan rumah setinggan dimana lokasi yang dibina rumah setinggan tidak sesuai untuk kawasan perumahan. Dari perspektif jenayah, terdapat tuan-tuan tanah setinggan yang menyewa, memajak atau menjual tanah dimana mereka tidak mempunyai sebarang tuntutan dari segi undang-undang. Penduduk setinggan yang terdesak untuk rumah tidak begitu serius menyoal kesahihan urusniaga ini. Satu kajian rumah setinggan yang ditaja oleh Kementerian Tanah dan Alam Sekitar yang dijalankan oleh Universiti Teknologi Jamaica pada tahun 2002-2003 menunjukkan bahawa terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kira-kira 635 kawasan setinggan di pulau. Lebih kurang 76 peratus daripada kawasan tersebut adalah tanah kerajaan. Keputusan kajian setinggan peringkat kebangsaan yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi pada tahun 2004 di bawah tajaan Kementerian tanah dan persekitaran adalah seperti berikut:-

i. 82 peratus rumah setinggan terdapat di bandar dan 18 peratus rumah setinggan terdapat di luar bandar.
ii. 76 peratus rumah setinggan terdapat di tanah kerajaan dan 18 peratus di atas tanah persendirian. Manakala 8 peratus tidak pasti.
iii. 36 peratus kawasan setinggan telah wujud selama lebih 25 tahun. Manakala 66 peratus kawasan setinggan telah wujud selama lebih 20 tahun.
iv. Kebanyakan penduduk setinggan bekerja sendiri.
v. Kebanyakan keluarga dalam kalangan penduduk setinggan adalah diketuai oleh kaum lelaki. Ia merangkumi sebanyak 49.4 peratus manakala 18.7 peratus isi rumah diketuai oleh kaum wanita.
vi. Secara keseluruhan infrastruktur dan kemudahan asas berkurangan di kawasan setinggan. Di kebanyakan rumah setinggan tidak ada infrastruktur dan kemudahan asas.
vii. Kebanyakan kawasan setinggan di Jamaica adalah kawasan perumahan.
viii. Infrastruktur fizikal (jalan raya dan parit) di kawasan setinggan dibangunkan secara kurang maju dan di beberapa kawasan tidak wujud.
ix. Di kawasan setinggan terdapat bekalan air dan elektrik tetapi di kebanyakan kawasan saluran tersebut adalah bekalan yang menyalahi undang-undang dimana disambungkan secara haram.
x. Kebanyakan kawasan setinggan terdapat kemudahan kumbahan, air dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

elektrik.

xi. 37 peratus daripada kawasan setinggan mendapat manfaat kutipan sampah oleh pihak perbandaran manakala yang lain membakar dan membuang sampah di tapak terbuka.

xii. Tidak terdapat infrastruktur yang sesuai untuk bahan buangan kumbahan di kawasan setinggan. Oleh itu, kaedah dominan yang digunakan oleh mereka iaitu tandas 'pit' dan lubang rendam-jauh.

xiii. Kawasan setinggan terletak berhampiran dengan sumber asli dan kebanyakannya terletak di kawasan tadahan air.

xiv. Berdasarkan keupayaan tanah, 38 peratus daripada kawasan setinggan terletak di tanah pertanian dan yang lainnya tanah marginal.

xv. Pencemaran alam yang dikenalpasti di kawasan setinggan adalah seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh dan rebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembinaan bandar baharu dari awal menyediakan berjuta-juta pekerjaan kepada pekerja-pekerja yang berbeza di Islamabad. Kebanyakan mereka berhijrah dari seluruh bahagian dalam negara. Dorongan sebenar untuk penghijrahan pekerja dari bahagian yang berlainan di negara Pakistan adalah kerana peluang ekonomi dalam kerja-kerja pembinaan. Kemudian, setelah masyarakat kristian mula mendiami di bandar, kebanyakan saudara-mara, rakan-rakan dan ahli keluarga mula berhijrah dari wilayah Punjab untuk melarikan diri dari kemiskinan dan rintangan agama serta untuk menikmati peluang kerja yang berlanjutan (Dawn, 2011).

Nadeem Akhtar (2010) telah mengkaji penduduk setinggan di Islamabad, Pakistan dengan menggunakan Indeks Kekayaan dan Indeks Pembangunan Manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai pengukur bagi aspek sosioekonomi. Pembolehubah yang digunakan untuk mengukur taraf hidup penduduk setinggan adalah :-

1) Indeks Kekayaan

i. Jenis lantai

ii. Bekalan elektrik

iii. Aset isirumah

iv. Jenis tandas yang digunakan

v. Sumber air

vi. Segmen agama

vii. Literasi

2) Indeks Pembangunan Manusia – Kekurangan keperluan isirumah

i. Kemudahan yang diperlukan oleh isirumah

ii. Rumah yang mencukupi untuk anggota keluarga yang sedia ada

iii. Ruang / keluasan rumah

iv. Air tercemar dan pelupusan sisa

Hasil kajian Nadeem Akhtar (2010) mendapati tahap kemiskinan dan kekurangan keperluan isi rumah dalam kalangan penduduk setinggan berbeza antara kawasan yang berlainan. Cabaran utama adalah menyediakan tempat tinggal untuk penduduk setinggan yang berlebihan. Setelah pihak berkuasa tempatan menentukan dengan jelas sempadan bagi setiap kawasan setinggan, tidak ada ruang untuk isi rumah baharu. Selain itu, penduduk yang semakin bertambah tidak mempunyai alternatif dari kehidupan yang serba kekurangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya, penduduk setinggan tidak berpelajaran tinggi. Hal ini kerana tahap literasi menunjukkan kelaziman pendidikan yang rendah. Oleh kerana penduduk setinggan mengalami peralihan demografi, tahap literasi dalam kalangan remaja dari jumlah penduduk (15-24 tahun) adalah 47.3 peratus (ini adalah 11 peratus lebih tinggi dari literasi dewasa). Perkara ini wajib diberi perhatian. Masa depan penduduk setinggan hanya boleh diselamatkan dengan perancangan tempat kediaman yang tetap dan menghasilkan peluang pekerjaan untuk para remaja demi mengurangkan gejala negatif daripada peralihan demografi terhadap mereka dan penduduk setinggan.

Menurut kajian Sun et *al.* (2011) bertajuk Tahap kesihatan penduduk di China : Keputusan EQ-5D, mengikut umur, jantina dan tahap sosio-ekonomi daripada kajian Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan, tiga pemboleh ubah telah digunakan untuk mengukur tahap sosio-ekonomi iaitu, tahap pendidikan, pendapatan dan pekerjaan. Ketiga-tiga pembolehubah ini merupakan indikator yang paling ketara digunakan (Wagstaff et al., 2003) dan (Mackenbach et al., 1997). Menurut hasil kajian, secara keseluruhan responden yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah dilaporkan lebih banyak masalah kesihatan menurut dimensi EQ-5D dan skor VAS *(visual analogue scale)* lebih rendah. Responden dalam kumpulan berpendapatan rendah dilaporkan banyak masalah kesihatan menurut dimesnsi EQ-5D dan skor VAS *(visual analogue scale)* yang rendah berbanding kumpulan berpendapatan tinggi. Tahap kesihatan responden penganggur dilaporkan pada tahap yang paling rendah dan skor VAS *(visual analogue scale)* juga rendah berbanding responden yang bekerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setinggan bukan merujuk pada satu masalah atau konsep yang terpencil malah ia merupakan satu bahagian dan hanya wujud bersama dengan konteks perbandaran (Ziolkoski, 1998). Secara keseluruhan, bandar membentuk latar belakang tempat, institusi dan fenomena yang saling bergantungan di mana interaksi dalaman dan luaran membentuk keadaan sama ada untuk membenarkan atau menghalang pertumbuhan setinggan.

Jane Jacobs (1961) yang menganalisis persoalan perbandaran telah berhujah bahawa tanpa mengambilkira ciri-ciri geografi dan budaya, kawasan bandar merujuk kepada kawasan di mana inti-patinya adalah perancangan masalah yang rumit. Hal ini kerana masalah setinggan di dalam bandar melibatkan perancangan yang rumit.

Fox (2008) mentakrifkan setinggan sebagai penempatan yang dibina secara spontan, kawasan yang kurang perkhidmatan kerana kawasan perumahan yang tidak sah. Beliau berhujah penduduk setinggan mungkin merupakan produk yang spatial hasil daripada pentadbiran yang tidak efektif yang bertugas di peringkat akar dalam morfologi bandar. Beliau juga menerangkan bahawa sesebuah bandar yang ditadbir secara bijak sebagai persekitaran dinamik yang terancang untuk mengkaji realiti dan sumber-sumber yang sedia ada dengan syarat untuk pertumbuhan dan pembangunan kekal dan mengembang perkhidmatan dan infrastruktur dalam keadaaan saksama untuk penduduk bila ia menguntungkan.

Istilah setinggan merujuk kepada status negatif yang mencetuskan perbincangan yang banyak berhubung kesesuaian dan kecukupan kepenggunaan. Prunty (1998) telah menyatakan, merujuk sejarah, perkataan setinggan digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terutamanya untuk keadaan kediaman miskin yang dijangka meningkatkan risiko penyakit berjangkit pada abad ke 19 di Ireland. Ia telah lama dikaitkan dengan penyakit, keganasan, jenayah di mana media hiburan iaitu pawagam, muzik dan novel menggambarkan suasana tersebut sebagai buaian samseng dan pemberontak.

Secara rumusan, perkataan setinggan digunakan secara berwaspada dalam perbincangan akademik dan sering digantikan dengan istilah seperti penempatan 'spontan', 'tidak teratur' dan'membantu sendiri' dengan syarat untuk mengabaikan perkaitan kawasan yang menerangkan watak penghuni sebagai 'buruk dan negatif'. UN-Habitat (2006) mendapati hampir 32 peratus penduduk bandar dunia tinggal di penempatan yang tidak teratur dan tidak selamat. UN-Habitat bercadang untuk meletakkan penempatan manusia berdasarkan standard asas yang digariskan di bawah kategori isi rumah setinggan secara asasnya mendirikan penempatan di kawasan bandar dan mengalami kekurangan daripada aspek-aspek berikut:-

i. Tempoh keselamatan dan tiada pengusiran secara paksa.
ii. Pembinaan kekal yang dibina dengan bahan tahan lama dan selamat.
    Cadangan ini adalah untuk melindungi penduduk setinggan daripada cuaca keterlaluan.
iii. Tempat / ruang tinggal yang mencukupi (3 orang berkongsi sebilik)
iv. Senang dan akses berpatutan untuk mendapatkan bekalan air bersih
    yang mencukupi.
v. Mempunyai akses sanitasi menerusi tandas awam atau swasta

Merujuk kepada kajian Mohanty (2000), kemiskinan dan kesengsaraan adalah saling berkaitan. Penduduk miskin lebih sengsara dari aspek sosial, ekonomi, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran. Tahap kesengsaraan berbeza mengikut negara, bandar, kawasan, komuniti dan isi rumah. Kesengsaraan berubah dari masa ke masa. Menurut Cutter (1996), kesengsaraan yang berpunca daripada lokasi dan struktur sosial (kekurangan kuasa) sering dimanifestasikan sebagai kemiskinan pendapatan. Dengan proses perbandaran yang pesat, penduduk yang berpendapatan rendah semakin meningkat di kawasan bandar. Walter (1989) mengatakan separuh daripada penduduk di bandar besar di negara-negara membangun tinggal di kawasan setinggan secara haram yang tidak dirancang. Sanderson (2000) mengatakan bahawa kebanyakan penduduk setinggan di bandar hidup dengan kualiti tanah yang paling teruk di pinggir bandar dengan jurang yang besar antara penduduk-penduduk lain, pada benteng yang sering dilanda banjir, di lereng yang dikenakan tanah runtuh, di kawasan padat dimana kebakaran mudah berlaku dan di persimpangan bulatan yang sibuk. Ini mencerminkan penduduk setinggan yang dikategorikan penduduk sengsara sering didedahkan dengan bencana alam yang buruk.

Hasil kajian dari aspek persekitaran menyatakan bahawa kekurangan tanah, nilai tanah yang tinggi dan masalah pemilikan tanah menyebabkan golongan miskin hidup di kawasan gurun, tempat yang tidak produktif dan nilai tanah yang rendah di mana kawasan tersebut tidak sesuai untuk pembangunan komersial. Biasanya, keadaan ini sering membawa bahaya dan persekitaran penempatan yang tidak sihat. Kebanyakan isi rumah setinggan tinggal di tanah pertanian dan kawasan berbahaya seperti kawasan paya bakau, kawasan yang senang terdedah dengan banjir iaitu di sepanjang pantai, lereng bukit yang tidak stabil dan kawasan tanah tinggi, tebing sungai, kawasan yang senang terdedah dengan tanah runtuh dan kawasan pembuangan sisa. Situasi tempat tinggal tersebut menyebabkan isi rumah setinggan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sengsara dengan ombak besar yang kerap berlaku, banjir dan tanah runtuh. Lereng bukit yang curam menyebabkan hakisan dan tanah runtuh dan kawasan paya bakau sering tertakluk kepada banjir. Selain daripada sengsara berpunca alam sekitar seperti kualiti rumah yang rendah, bekalan air yang tidak mencukupi, ketiadaan sanitasi dan pelupusan sisa, pencemaran alam sekitar yang biasa berlaku di kawasan setinggan adalah kebakaran. Pencemaran alam sekitar ini memberi kesan yang serius kepada modal insan, kesejahteraan dan kesihatan penduduk miskin (Hardoy et al, 1990).

Kebanyakan kawasan setinggan tidak menikmati kemudahan asas dan infrastruktur yang disediakan oleh pihak berkuasa bandar seperti bekalan air, bekalan elektrik, pembetungan, saliran, pembuangan sisa dan hubungan jalan raya. Kemudahan jalan raya yang tidak sempurna dimana ia tidak boleh dilalui kerana tidak menghubungkan laluan menyebabkan penduduk setinggan sengsara semasa berlaku kebakaran dan kecemasan-kecemasan lain kerana samaada bomba atau ambulans tidak dapat sampai ke kawasan setinggan.

Hasil kajian dari aspek kesihatan menyatakan bahawa air yang tidak mencukupi, sanitasi yang tidak sempurna, kebersihan diri yang tidak wajar, keracunan makanan, pencemaran udara menyebabkan penduduk setinggan sangat sengsara. Kawasan yang berkeliaran sampah, keracunan makanan, air tercemar yang menyebabkan penyakit berjangkit pernafasan dalam kalangan isi rumah setinggan sentiasa pada tahap yang tinggi. Kajian mendapati bahawa 13 peratus isi rumah setinggan telah menghidap influenza, 14 peratus telah menghidap masalah kesihatan berkaitan kulit, 5 peratus menghidap cirit-birit, 5 peratus menghidap kencing manis dan 28 peratus menghidap masalah kesihatan lain seperti tekanan darah tinggi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah kesihatan berkaitan jantung; sakit lelah dan penyakit lain (Mohanty, 2003).

Perumahan yang tidak sempurna dengan kelengkapan lampu yang tidak mencukupi, pengudaraan di kawasan setinggan memburukkan lagi risiko kesihatan. Rumah-rumah di kawasan setinggan yang penuh sesak, kebanyakannya dibina dengan satu bilik tidur atau dua bilik tidur. 95 peratus rumah di kawasan setinggan beratap zink (Mohanty, 2003). Rumah-rumah ini tidak dilindungi dari panas dan sejuk. Seringkali kerana cuaca panas yang berterusan di bandar dan ia menyebabkan kesan buruk kepada kesihatan penduduk setinggan.

Kesengasaraan kerana pengusiran juga wujud dalam kalangan penduduk setinggan. Golongan miskin yang tidak sanggup dan tidak mampu untuk membeli tanah atau rumah, membina rumah di tanah terbiar, kebanyakannya tanah milik kerajaan. Pengusiran merupakan satu instrumen yang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan untuk menyelesaikan masalah setinggan. Kesengsaraan pengusiran berlaku kerana beberapa faktor, antaranya jarak kawasan setinggan dari bandar, tempoh dan keluasan kawasan setinggan, nilai tanah dan tekanan pasaran tanah serta permintaan tanah untuk pembangunan bandar. Sebanyak 13 peratus isi rumah setinggan di bandar Suva menyatakan pengusiran pihak berkuasa tempatan merupakan satu masalah mendesak. Lebih daripada 3,300 keluarga terbabit dalam kesengsaraan pengusiran. Terdapat rintangan yang kukuh dalam kalangan penduduk setinggan untuk keluar dari kawasan tersebut.

Msindo, Gusta dan Choguya (2013) yang menguji faktor di sebalik kewujudan kembali penempatan setinggan yang berterusan di Epworth Suburb, Harare;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati faktor penghijrahan pesat dari luar bandar ke bandar untuk mencari taraf kehidupan yang lebih baik dan pekerjaan ada hubungan dengan kewujudan setinggan menyumbang pada permasalahan ini.

Kebanyakan pengkaji berpendapat negatif berhubung masalah setinggan tetapi jika ditumpu kepada negara-negara membangun kawasan setinggan yang digambarkan sebagai penyelesaian yang sangat berjaya untuk masalah perumahan di kawasan bandar (Turner, 1969, Payne G. K., 1977). Masalah setinggan ada kaitan dengan kekurangan perumahan yang disebabkan oleh pertumbuhan bandar yang pesat yang tidak diseiringkan dengan petumbuhan yang sama dalam penyediaan kemudahan perumahan. Hasil kajian menyatakan walaupun kerajaan tempatan Epworth mengambil langkah untuk mengelakkan kawasan setinggan dari wujud kembali dengan menyediakan tanah perumahan kepada penduduk yang dikenalpasti, proses pengurusan yang mengambil masa yang sangat lama untuk aktiviti menyerahkan tanah rumah kepada bakal pemilik telah mewujudkan kawasan-kawasan setinggan baharu. Sistem birokrasi yang tidak pernah berakhir dan tempoh masa memproses pendaftaran tanah yang begitu lama memaksa peratusan penduduk bandar yang tinggal di kawasan setinggan semakin meningkat. Walaubagaimanapun, siasatan terperinci mendapati bahawa penduduk setinggan juga menyumbang kepada masa proses yang lama atau lambat. Hal ini kerana mereka tidak membayar bayaran bulanan sebanyak US$ 15 pada masa yang ditetapkan dan ada juga yang tidak bayar langsung. Hal ini menjejaskan keupayaan kerajaan tempatan untuk berkhidmat kepada penduduk setinggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Rumusan

Bab ini secara keseluruhannya membincangkan dapatan-dapatan dari kajian-kajian lepas. Dari keputusan yang diperoleh, kawasan setinggan di bandar wujud kerana penghijrahan penduduk dari desa ke bandar untuk mencari pekerjaan. Ketidakmampuan penduduk-penduduk desa memaksa mereka untuk mendirikan rumah di tanah terbiar yang akhirnya digelar kawasan setinggan. Di sudut lain pula, penghijrahan penduduk juga menyebabkan kesan positif iaitu mewujudkan perbandaran. Perbandaran merupakan petunjuk pembangunan negara kerana perbandaran berkait rapat dengan perindustrian, pemohonan dan perkembangan sosial. Perbandaran pesat menyebabkan kos hidup semakin meningkat. Ia mengakibatkan kuasa beli penduduk bandar semakin menurun dan kemiskinan semakin berkembang. Ia menyebabkan penduduk setinggan kekal mendiami di kawasan setinggan kerana tidak mampu membeli rumah.

Kehidupan penduduk setinggan dikatakan sengsara kerana keperluan dan kemudahan yang mereka memperoleh tidak mencukupi untuk menikmati kualiti hidup yang ditetapkan oleh United Nation. Ekonomi, kebajikan dan pendidikan merupakan aspek yang paling utama dititikberatkan agar penduduk setinggan hidup tanpa sengsara.

Pelbagai rancangan yang drastik dan bersesuaian harus ditangani untuk memansuhkan kemiskinan di samping memastikan ketidakwujudan kawasan setinggan di bandar. Oleh itu, pelbagai pihak yang terlibat terutamanya pihak berkuasa tempatan harus mengambil inisiatif untuk bertindak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kaedah dan ujian-ujian yang terlibat bagi mencapai objektif yang telah disasarkan. Ia terbahagi pada tujuh sub topik, dan susun atur sub topik adalah seperti berikut; 3.1 Carta Alir Pelaksanaan Kajian, 3.2 Reka Bentuk Kajian, 3.3 Populasi dan Sampel, 3.4 Instrumen Kajian, 3.5 Prosedur Pengumpulan Data, 3.6 Kaedah Menganalisis Data dan Rumusan di bahagian paling akhir iaitu 3.7.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Carta Alir Pelaksanaan Kajian



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini telah dilaksanakan berdasarkan kronologi yang dipaparkan dalam Carta Alir Pelaksanaan Kajian. Pada awalnya, isu yang hangat dibicarakan oleh pelbagai media massa berkaitan pembangunan dan kemajuan negara telah dikenal pasti. Masalah setinggan yang merupakan penunjuk kepada kemiskinan dan penghalang kepada pembangunan telah diberi fokus dalam kajian ini.

Bandar raya Kuala Lumpur telah dijadikan skop kajian kerana ibu negara merupakan tumpuan seluruh rakyat Malaysia dan negara-negara luar dalam segala aspek terutamanya aspek pembangunan. Setelah skop kajian ditentukan, matlamat dan objektif kajian telah dirangka iaitu, menilai dan mengukur tahap ekonomi, tahap kebajikan dan tahap pendidikan serta mengukur hubungan antara tahap pendidikan dan tingkat pendapatan (kemiskinan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metodologi kajian yang digunakan untuk mendapatkan dapatan kajian adalah analisis statistik deskriptif, ujian korelasi dan regresi. Data telah dikumpul daripada penduduk setinggan dengan soal selidik yang disediakan.

Tinjauan kajian-kajian lepas berkaitan isu setinggan untuk menerokai ilmu berkaitan punca kependudukan setinggan, kesan positif dan negatif kependudukan setinggan, kualiti hidup penduduk setinggan dan cara menangani masalah setinggan telah dijadikan panduan untuk menjalankan kajian ini tanpa sebarang keraguan.

Data primer iaitu soal selidik telah diisi oleh pengkaji sendiri dengan menemu bual penduduk-penduduk setinggan di tiga buah kawasan setinggan yang dikenal pasti di bandar raya Kuala Lumpur. Di samping itu, maklumat-maklumat berkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kawasan setinggan telah diperoleh oleh pengkaji dengan menemu bual beberapa pegawai Dewan Bandar raya Kuala Lumpur yang ditugaskan untuk kawasan setinggan.

Selain daripada data primer, data sekunder juga diterokai oleh pengkaji melalui buku-buku ilmiah, jurnal, keratan akhbar, laman web dan internet serta laporan Bahagian Penguat kuasa DBKL.

Data yang dikutip daripada soal selidik telah dimasukkan dalam perisian SPSS untuk mendapatkan output. Berpandukan output SPSS, dapatan kajian telah dikarang oleh pengkaji dengan bimbingan dan bantuan Pensyarah Pembimbing. Selain daripada output SPSS, cadangan, keputusan dan program yang dilaksanakan oleh DBKL turut diberi perhatian semasa mengarang dapatan kajian.

Dapatan kajian dihasilkan dan dijadikan rumusan kajian dalam bab perbincangan, kesimpulan dan cadangan.

3.2 Reka bentuk Kajian

Penyelidikan ini merupakan satu kajian tinjauan. Kajian tinjauan melibatkan set borang soal selidik bagi mendapatkan data yang bertujuan membuat generalisasi daripada sampel terhadap populasi (Babbie, 2001; McMillan, 2000). Kaedah ini merupakan satu pendekatan penyelidikan kuantitatif. Dalam kajian ini, populasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdiri daripada penduduk-penduduk setinggan terpilih di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

3.3 Populasi dan Sampel

Terdapat 11 kawasan parlimen di Bandaraya Kuala Lumpur. Menurut pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, bilangan isi rumah yang tinggal di kawasan setinggan di tanah kerajaan berjumlah 1291. Bagi menjalankan kajian semasa, penyelidik memberi tumpuan pada kawasan parlimen Wangsa Maju sahaja. Keputusan ini dibuat berdasarkan cadangan dari pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mempertimbangkan faktor kerjasama dan keselamatan yang akan diperoleh dari penduduk setinggan tersebut. Menurut data DBKL, terdapat tiga kawasan setinggan di Parlimen Wangsa Maju; iaitu Kampung Puah, Kampung Setiajaya dan Kampung Chubadak. Daripada tiga kawasan setinggan ini dua kawasan setinggan telah dipilih sebagai sampel kajian. Antaranya, Kampung Setiajaya dan Kampung Chubadak. Sampel kajian ini adalah persampelan rawak mudah kerana setiap isi rumah setinggan mempunyai peluang yang sama untuk dijadikan sampel. Pada masa yang sama, populasi dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri yang seragam dan mempunyai taburan yang sama. Saiz sampel yang dipilih adalah berdasarkan saiz populasi seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.1. Kajian ini terbatas kepada kawasan setinggan di Kuala Lumpur sahaja iaitu Kampung Setiajaya dan Kampung Chubadak. Tempoh masa kajian dilaksanakan pada bulan Januari tahun 2017. Keputusan kajian ini boleh diguna pakai dalam tempoh lima tahun ke belakang dan lima tahun ke depan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Taburan Populasi dan Sampel Kajian

Bil.	Kawasan	Populasi	Sampel
1	Kampung Setiajaya	217	120
2	Kampung Chubadak	40	30
	Jumlah	**257**	**150**

Jadual 3.1 menunjukkan taburan populasi dan sampel kajian. Populasi penduduk setinggan di tanah kerajaan kawasan Parlimen Wangsa Maju adalah seramai 257 keluarga (Jadual 1.1; Bab Pengenalan). Seramai 150 penduduk setinggan dipilih sebagai sampel kajian iaitu 120 penduduk setinggan di Kampung Setiajaya dan 30 keluarga di Kampung Chubadak. Menurut jadual penentuan sampel berdasarkan populasi yang dicadangkan oleh Krejcie & Morgan (1970), 152 sampel bagi 260 populasi adalah memadai.

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data. Berdasarkan Babbie (2001) borang soal selidik ialah instrumen yang dibina khusus untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk membuat analisis. Borang soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Pembinaan Instrumen Kajian

Berdasarkan kajian-kajian lepas, penyelidik menyediakan borang soal selidik yang terdiri daripada soalan-soalan tertutup (*close ended question*) dan soalan-soalan terbuka. Soal selidik bagi kajian ini mengandungi lima bahagian; iaitu Bahagian A (Profil Responden), Bahagian B (Kebajikan), Bahagian C (Pendidikan), Bahagian D (Ekonomi) dan Bahagian E (Sebab tinggal di rumah setinggan). Bahagian A memaparkan soalan berkaitan latar belakang responden. Item-item dalam bahagian ini untuk mengukur dimensi Profil Responden adalah seperti kewarganegaraan, bangsa, agama, taraf perkahwinan, tempoh menetap di rumah setinggan, negeri asal, tujuan berhijrah ke kawasan setinggan dan jumlah isi rumah.

Manakala bahagian B merangkumi soalan-soalan yang mengukur status kebajikan. Terdapat tiga dimensi untuk mengukur status kebajikan iaitu kemudahan infrastruktur, bantuan dan sumber bantuan serta pemilikan harta.

Bahagian C pula merangkumi soalan-soalan yang mengukur tahap pendidikan. Tahap pendidikan yang dinilai adalah tahap pendidikan ketua dan tahap pendidikan pasangan. Pengukuran tahap pendidikan dikategorikan kepada empat tahap iaitu; rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi. Tahap pendidikan juga diselaraskan mengikut tempoh pengajian bagi setiap tahap di mana peruntukan selama enam tahun (tidak berpendidikan dan pendidikan rendah); 11 tahun (pendidikan menengah); 13 tahun (sijil dan diploma) dan 16 tahun (ijazah dan ke atas).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian D merangkumi soalan-soalan yang mengukur status ekonomi. Status ekonomi diukur berdasarkan tiga dimensi iaitu pekerjaan, jumlah pendapatan dan perbelanjaan isi rumah.

Selain daripada soalan fokus, pengkaji juga menyelitkan soalan tambahan di Bahagian E iaitu ‘Apakah kebaikan menetap sebagai penduduk setinggan?’. Soalan ini diajukan dengan lima pilihan jawapan. Jawapan responden bagi soalan ini boleh dipertimbangkan sebagai sebab kewujudan penduduk setinggan di Kuala Lumpur. Setiap item diukur berdasarkan jawapan maklum balas responden.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif kajian yang telah dibentuk dapat dicapai dengan maklumat yang berkaitan dengan kajian telah diperoleh. Maklumat diperoleh melalui dua kaedah iaitu pengumpulan data primer dan data sekunder. Maklumat primer adalah data yang diperoleh melalui borang soal selidik dari responden kajian. Manakala maklumat sekunder telah diperoleh dengan laporan, data dan statistik dari agensi kerajaan terutamanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kerjasama pegawai-pegawai Unit Setinggan di Pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur amat bermakna kerana maklumat dan data setinggan yang diserahkan sangat membantu untuk menjalankan analisis kajian. Surat kebenaran untuk menjalankan kajian soal selidik juga telah diperoleh terlebih dahulu dari Bahagian Penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kaedah Menganalisis Data

Proses analisis data telah dibuat setelah maklumat-maklumat yang diperoleh dimasukkan dan diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences Windows* (SPSS 15.0).

3.6.1 Analisis Statistik Deskriptif

Kaedah ini digunakan untuk menjawab objektif satu hingga objektif tiga. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan kajian secara menyeluruh melalui corak taburan dari dapatan yang diperoleh. Statistik deskriptif digunakan dengan meluas dalam analisis data kerana cirinya yang berupaya meringkaskan data yang diperoleh daripada pemprosesan data (Mohd Majid Konting, 1997). Huraian ini merangkumi profil responden seperti warganegara, bangsa, agama, taraf perkahwinan, tempoh menetap di rumah setinggan, negeri asal, tujuan berhijrah ke rumah setinggan dan jumlah isi rumah. Statistik deskriptif yang digunakan adalah kekerapan dan peratus. Ujian analisis deskriptif yang dilaksanakan bagi menjawab objektif kajian yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:-

Objektif 1 : Mengukur tingkat pendapatan penduduk setinggan.

Objektif 2 : Mengenal pasti tahap kebajikan penduduk setinggan.

Objektif 3 : Menentukan tingkat pendidikan penduduk setinggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Analisis Inferens

Analisis Inferens melibatkan Ujian Korelasi dan Ujian Regresi. Ujian korelasi dan regresi telah dilaksanakan bagi menjawab objektif yang ke empat iaitu, menentukan hubungan di antara tahap pendidikan dan tingkat pendapatan.

3.6.2.1 Analisis Korelasi

Analisis korelasi telah dijalankan dengan menggunakan data tingkat pendapatan dan tahap pendidikan penduduk setinggan seperti yang dipaparkan di Jadual 3.2 dan Jadual 3.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Taburan Tingkat Pendapatan

Bil.	Pendapatan Isi rumah	Kategori
1	< RM3860	Miskin
2	RM3860 hingga RM8319	Sederhana
3	> RM8319	Kaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Taburan Tahap Pendidikan

Bil.	Tahap Pendidikan	Kategori	Bil. Tahun	Jum. Kumulatif
1	Tidak bersekolah dan sekolah rendah	Rendah	6	6
2	Sekolah menengah	Sederhana Rendah	5	11
3	Diploma / sijil	Sederhana Tinggi	2	13
4	Ijazah	Tinggi	3	16

Analisis korelasi dan regresi telah dijalankan untuk mengetahui hubungan di antara tingkat pendapatan dan tahap pendidikan. Analisis korelasi Pearson dijalankan untuk mengetahui hubungan di antara tingkat pendapatan dan tahap pendidikan. Pada masa yang sama analisis regresi linear turut diuji untuk mengetahui kekuatan hubungan di antara tingkat pendapatan dan tahap pendidikan. Untuk melaksanakan analisis ini, data tingkat pendapatan ketua dan tahap pendidikan ketua telah digunakan. Oleh sebab kebanyakan pasangan tidak bekerja (suri rumah), maka tingkat pendapatan ketua sahaja digunakan untuk analisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Jadual Ringkasan Analisis Kajian

Bil.	Analisis	Analisis
1	Profil Responden	Analisis Deskriptif
2	Analisis Pekerjaan	Analisis Deskriptif
3	Analisis Pendapatan	Analisis Deskriptif
4	Analisis Perbelanjaan Asas dan Perbelanjaan Mewah	Analisis Deskriptif
5	Analisis Kemudahan Infrastruktur	Analisis Deskriptif
6	Analisis Kemudahan Infrastruktur Kategori	Analisis Deskriptif
7	Analisis Bantuan dan Analisis Sumber Bantuan	Analisis Deskriptif
8	Analisis Pemilikan Harta	Analisis Deskriptif
9	Analisis Pemilikan Harta Kategori	Analisis Deskriptif
10	Analisis Tahap Kebajikan	Analisis Deskriptif
11	Analisis Tahap Pendidikan Ketua dan Pasangan	Analisis Deskriptif
12	Analisis Hubungan antara Tahap Pendidikan dan Tingkat Pendapatan	Analisis *Crosstab*
13	Analisis Hubungan antara Tahap Pendidikan dan Tingkat Pendapatan	Analisis Pearson Korelasi
14	Analisis Hubungan antara Tahap Pendidikan dan Tingkat Pendapatan	Analisis Linear Regresi

Jadual 3.4 menunjukkan ringkasan analisis kajian. Analisis deskriptif telah dijalankan untuk mengetahui profil responden, pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan asas dan perbelanjaan mewah, kemudahan infrastruktur, penerimaan bantuan kewangan dan sumber bantuan kewangan, pemilikan harta, tahap kebajikan. Manakala Analisis *Crosstab*, Analisis Pearson Korelasi dan Analisis Linear Regresi telah dijalankan untuk mengukur hubungan antara tahap pendidikan dan tingkat pendapatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Rumusan

Penyelidikan ini secara umumnya melibatkan data primer iaitu maklumat daripada responden melalui soal selidik dan data sekunder iaitu maklumat yang diperoleh daripada kajian-kajian tinjauan hasil daripada penyelidikan lepas yang diperoleh dari pelbagai sumber antaranya buku jurnal, laporan, laman sesawang dan juga maklumat-maklumat yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Perincian bahagian analisis data menerangkan kaedah-kaedah analisis yang disesuaikan dengan objektif yang telah ditetapkan, di mana objektif satu hingga tiga mengaplikasikan analisis deskriptif manakala objektif empat menggunakan kaedah analisis korelasi dan regresi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun upsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan kajian bagi analisis-analisis yang dijalankan. Ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu; 4.1 Profil Responden; 4.2 Dapatan Analisis Kajian dan 4.3 Rumusan.

4.1 Profil Responden

Profil responden secara keseluruhan merujuk kepada taburan taraf kewarganegaraan, bangsa, agama, taraf perkahwinan, tempoh menetap di rumah setinggan, tempat asal, tujuan berhijrah ke kawasan setinggan dan jumlah isi rumah. Maklumat keseluruhan dipaparkan di Jadual 4.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Taburan Profil Responden

Perkara	Kg. Setiajaya		Kg. Chubadak		Keseluruhan	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Kewarganegaraan						
Warganegara	94	78.3	30	100	124	82.7
Bukan Warganegara	26	21.7	-	-	26	17.3
Jumlah	***120***	***100.0***	***30***	***100.0***	***150***	***100.0***
Bangsa						
Melayu	120	100.0	30	100.0	150	100.0
Cina	-	-	-	-	-	-
India	-	-	-	-	-	-
Lain-lain	-	-	-	-	-	-
Jumlah	***120***	***100.0***	***30***	***100.0***	***150***	***100.0***
Agama						
Islam	120	100	30	100	150	100.0
Buddha	-	-	-	-	-	-
Hindu	-	-	-	-	-	-
Lain-lain	-	-	-	-	-	-
Jumlah	***120***	***100.0***	***30***	***100.0***	***150***	***100.0***
Taraf Perkahwinan						
Berkahwin	119	99.2	30	100.0	149	99.3
Belum Berkahwin	1	0.8	-	-	1	0.7
Jumlah	***120***	***100.0***	***30***	***100.0***	***150***	***100.0***
Tempoh Menetap di Kawasan Setinggan						
Baru (1 hingga 3 tahun)	2	1.7	-	-	2	1.3
Sederhana (3 hingga 5 tahun)	1	0.8	-	-	1	0.7
Lama (>5 tahun)	117	97.5	30	100.0	147	98.0
Jumlah	***120***	***100.0***	***30***	***100.0***	***150***	***100.0***
Tempat tinggal dahulu						
Bandar	3	2.5	-	-	3	2.0
Luar Bandar	28	23.3	3	10.0	31	20.7
Penduduk setinggan	89	74.2	27	90.0	116	77.3
Jumlah	***120***	***100.0***	***30***	***100.0***	***150***	***100.0***
Tujuan berhijrah ke kawasan						
Bekerja / Kemampuan	28	23.3	1	3.3	29	19.3
Kemudahan	1	0.8	-	-	1	0.7
Mengikut ahli keluarga	2	1.7	2	6.7	4	2.7
Lain-lain	-	-	-	-	-	-
Jumlah	***120***	***100.0***	***30***	***100.0***	***150***	***100.0***
Jumlah isi rumah						
Minoriti (1 ahli)	1	0.8	-	-	1	1.3
Majoriti (5 ahli)	34	28.3	13	43.3	47	31.3
Maksimum (18 ahli)	1	0.8	-	-	1	0.7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada taburan responden, seramai 124 keluarga yang tinggal di kawasan setinggan di Kampung Setiajaya dan Kampung Chubadak ialah warganegara Malaysia manakala 26 keluarga ialah bukan warganegara Malaysia atau lebih spesifik adalah warganegara dari Indonesia. Warganegara Malaysia merupakan 82.7 peratus daripada jumlah responden kajian manakala responden bukan dalam kalangan warganegara Malaysia adalah sebanyak 17.3 peratus.

Semua responden seramai 150 keluarga di kawasan setinggan Kampung Setiajaya dan Kampung Chubadak adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Corak pemerintahan British menurut prinsip 'pecah dan perintah' menyebabkan rakyat Malaysia hidup dalam kumpulan kaum masing-masing masih dapat dilihat dalam kalangan penduduk di kawasan setinggan. Boleh dikatakan bahawa tradisi hidup dalam kaum yang sama telah diwarisi sejak turun-temurun dan ini berlaku bukan sahaja di kampung-kampung dan ladang malah ada juga di kawasan setinggan.

Keputusan bagi taburan taraf perkahwinan menunjukkan sebanyak 99.3 peratus yang meliputi seramai 149 responden iaitu ketua isi rumah, telah berkahwin manakala 0.7 peratus yang lain (seorang) adalah responden belum berkahwin. Dapatan ini menunjukkan kawasan setinggan bersifat kawasan berkependudukan kalangan orang yang telah berkeluarga.

Keputusan bagi taburan tempoh menetap menunjukkan seramai 147 keluarga yang merangkumi 98 peratus merupakan penduduk lama, iaitu tinggal di Kampung Setiajaya dan Kampung Chubadak melebihi tempoh lima tahun. Dari data yang diperoleh tempoh menetap yang paling lama adalah selama 59 tahun. Kawasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setinggan ini jelas diwarisi sejak turun-temurun. Terdapat hanya sebuah keluarga daripada jumlah keseluruhan responden (0.7%) merupakan penduduk sederhana lama tinggal di kawasan setinggan iaitu dalam tempoh masa selama tiga hingga lima tahun. Dua keluarga (1.3%) merupakan penduduk baharu di kawasan setinggan kerana mereka baru menetap di situ dalam tempoh masa kurang dari tiga tahun.

Keputusan atau dapatan bagi taburan tempat tinggal dahulu menunjukkan; dari sejumlah 116 responden (77.3 %) yang sedia ada menetap di kawasan setinggan sejak lahir, seramai 31 responden yang lain berhijrah ke kawasan setinggan dari kawasan luar bandar. Dari segi statistik peratus, penduduk setinggan yang berhijrah dari kawasan luar bandar adalah 20.7 peratus. Tiga keluarga yang lain pula telah berhijrah ke kawasan setinggan ini dari bandar. Bilangan ini merangkumi 2.0 peratus dari peratus keseluruhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan bagi taburan tujuan berhijrah menunjukkan; secara keseluruhan terdapat 29 responden iaitu 19.3 peratus berhijrah ke kawasan setinggan Kampung Setiajaya dan Kampung Chubadak kerana faktor bekerja/kemampuan. Faktor mengikut keluarga atau saudara mara berhijrah ke kawasan setinggan merekodkan nilai sebanyak 2.7 peratus iaitu seramai empat responden. Seorang responden yang merangkumi 0.7 peratus telah berhijrah ke kawasan setinggan ini kerana faktor kemudahan. Kemudahan di sini merujuk kepada kemudahan yang terdapat di sekitar bandar raya Kuala Lumpur yang berdekatan dengan kawasan setinggan Kampung Setiajaya dan Kampung Chubadak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan bagi taburan jumlah isi rumah mendapati; dari 150 responden kajian, seramai 47 keluarga tinggal di kawasan setinggan dengan jumlah bilangan isi rumah seramai lima orang. Kumpulan ini merangkumi 31.3 peratus daripada jumlah keseluruhan responden. Manakala minoritinya seramai sebuah keluarga, iaitu 1.3 peratus daripada jumlah responden tinggal di kawasan setinggan dengan seorang isi rumah. Jika diteliti jawapan responden, terdapat sebuah keluarga yang tinggal di kawasan setinggan dengan jumlah bilangan isi rumah yang paling ramai iaitu seramai 18 orang. Ia merupakan 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan responden.

4.2 Dapatan Analisis Kajian

Dapatan analisis kajian di bahagian ini dibincangkan mengikut turutan berikut; 4.2.1 Analisis Ekonomi; 4.2.2 Analisis Kebajikan; 4.2.3 Analisis Pendidikan dan 4.2.4 Analisis Hubungan Tingkat Pendapatan dan Tahap Pendidikan.

4.2.1 Analisis Ekonomi

Analisis bagi faktor ekonomi terbahagi kepada tiga iaitu; Profil Pekerjaan, Analisis Pendapatan dan Analisis Perbelanjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Profil Pekerjaan

Pekerjaan responden dinilai berdasarkan sektor pekerjaan iaitu; Sektor Kerajaan, Sektor Swasta, Bekerja Sendiri dan Tidak Bekerja. Keputusan bagi analisis yang mengukur faktor ekonomi dari aspek pekerjaan dipaparkan di Jadual 4.2.

Jadual 4.2

Taburan Pekerjaan

Sektor Pekerjaan	Kampung Setiajaya				Kampung Chubadak				Keseluruhan			
	Ketua	%	Pasangan	%	Ketua	%	Pasangan	%	Ketua	%	Pasangan	%
Kerajaan	6	5.0	-	-	1	3.3	-	-	7	4.7	-	-
Swasta	78	65.0	23	19.2	22	73.3	10	33.3	100	66.6	33	22.0
Sendiri	36	30.0	15	12.5	7	23.4	3	10.0	43	28.7	18	12.0
Tidak Bekerja	-	-	82	68.3	-	-	17	56.7	-	-	99	66.0
Jumlah	**120**	**100.0**	**120**	**100.0**	**30**	**100.0**	**30**	**100.0**	**150**	**100.0**	**150**	**100.0**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

